

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 5

## Penulis

Dr. Mohd Nizam bin Sahad  
Dr. Suhaila binti Abdullah  
Abd Aziz bin Mohamed

## Editor

Muhammad Adam bin Ismam  
Mohd Farid bin Onn  
Nur Arifah binti Mohd Din

## Pereka Bentuk

Wan Roziah binti Wan Ali

## Ilustrator

Mohamad Isnin bin Zainuddin

## Jrugambar

Rahmat Hidayat bin Abdul Rahman

## Juruvideo

Nur Tauffik bin Aris



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0136

KPM2020 ISBN 978-967-388-601-2

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Telaga Biru Sdn. Bhd. (Co. No. 429118-A)

No. 28, Jalan Tembaga SD 5/2A,

Sri Damansara Industrial Park,

52200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6275 4070

Faks: 03-6275 4110

E-mel: admin@telagabiru.net.my

Reka Letak dan Atur Huruf:

Telaga Biru Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Franklin Gothic Medium

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Tihani Cetak Sdn. Bhd.,

No. 1 Jalan SB Jaya 15,

Taman Industri SB Jaya,

47000 Shah Alam, Selangor.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Penyelaras Projek Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Irsamuddin Fitri & Associates.
- Panel Penyemak Luar.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku.

# KANDUNGAN

Pendahuluan

IV

Pengenalan Ikon

V

**Tema 1: Sistem Ekonomi dan Kewangan Islam**


1

**Pelajaran 1:** Sistem Ekonomi Islam

2

**Pelajaran 2:** Sistem Kewangan Islam

16



**Tema 2: Sistem Perundangan dan Kehakiman Islam**


29

**Pelajaran 3:** Sistem Perundangan Islam

30

**Pelajaran 4:** Sistem Kehakiman Islam

40



**Tema 3: Sistem Pentadbiran dan Pemerintahan Islam**


57

**Pelajaran 5:** Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

58

**Pelajaran 6:** Sistem Pemerintahan Islam

71



Glosari

87

Rujukan

88

# PENDAHULUAN

**Buku teks Tasawwur Islam Tingkatan 5** ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Buku teks ini turut mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta memasukkan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Elemen Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Di samping itu, buku ini memberi penekanan dan fokus kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berpusatkan murid dan menekankan aspek inkuiri serta pembelajaran berasaskan projek. Kandungannya mengandungi ilustrasi, gambar, peta minda, penyendal dan ikon-ikon tertentu supaya dapat memberikan penghayatan serta kefahaman dengan lebih mudah dan berkesan kepada murid. Buku ini turut mengandungi aktiviti yang menyeronokkan dan uji diri bagi tujuan pentaksiran. Selain itu, Kod QR (*Quick Response Code*) dan Kuiz Interaktif *Kahoot* turut disertakan bagi meningkatkan rasa seronok semasa proses pembelajaran.

Terdapat tiga tema utama yang mengandungi enam pelajaran bagi Tasawwur Islam Tingkatan 5. Tiga tema utama tersebut ialah Sistem Ekonomi dan Kewangan Islam, Sistem Perundangan dan Kehakiman Islam serta Sistem Pentadbiran dan Pemerintahan Islam.

Tema Sistem Ekonomi dan Kewangan Islam membekalkan murid dengan kemahiran memahami dan menilai kepentingan melaksanakan tuntutan perekonomian Islam dalam kehidupan dan kepentingan muamalat Islam dalam institusi kewangan Islam.

Tema Sistem Perundangan dan Kehakiman Islam pula menjelaskan kewajipan mematuhi tuntutan pelaksanaannya dalam kehidupan serta menjauhi perbuatan yang dilarang oleh syarak.

Tema Sistem Pentadbiran dan Pemerintahan Islam pula memberikan kefahaman tentang konsep asas sistem pentadbiran dan pengurusan Islam, mengamalkan tadbir urus Islam dalam kehidupan serta melaksanakan tuntutan khilafah dalam kehidupan bernegara.

Diharapkan buku ini dapat memenuhi matlamat dan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan prinsip-prinsip "Maqasid Syariah" dalam melahirkan murid yang mampu memahami Islam secara syumul dan menangkis salah faham terhadap Islam serta bertanggungjawab membangunkan tamadun bangsa dan negara demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.



# Pengenalan Ikon



## STANDARD KANDUNGAN DAN PEMBELAJARAN:

Pengetahuan dan kemahiran yang akan dicapai setelah mempelajari sesuatu tajuk atau unit.




## SUBTAJUK:

Subtajuk mengikut standard pembelajaran.



## Informasi

**INFORMASI:** Maklumat tambahan dan pengetahuan baharu mengenai topik yang dipelajari.






**KOD QR:** Maklumat dan bahan rujukan tambahan daripada Internet.



**INTERAKSI:** Aktiviti yang menerapkan elemen Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK).



**GLOSARI:** Daftar kata berserta maksud dan dilengkapi dengan penjelasan lain yang sesuai.



**NILAI PENGHAYATAN:** Nilai murni bertujuan menambah penghayatan murid.



**NOTA GURU:** Memberi panduan kepada guru semasa melakukan aktiviti pembelajaran.



**REFLEKSI:** Soalan berbentuk situasi dan senarai semak untuk menguji kefahaman dan pelaksanaan tentang perkara yang dipelajari oleh murid.



**AKTIVITI:** Aktiviti dan latihan mudah membantu kefahaman dan kemahiran murid.



**KAHOOT:** Guru menjalankan latihan berbentuk kuiz interaktif melalui aplikasi Kahoot.



**PENILAIAN:** Menilai kefahaman murid pada setiap pelajaran.



**KBAT:** Soalan-soalan yang dibina untuk membangunkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi murid.





## Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21)

Pembelajaran berpusatkan murid dengan menumpukan lima piawaian asas, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai (4K1N). Terdapat 20 elemen yang boleh diterapkan dalam PdP melalui buku ini.



**1** Pembentangan

**2** Perbincangan

**3** Peta *i-Think*

**4** Catatan harian

**5** *Round Table*

**6** *Pin-Up*

**7** Kad Situasi

**8** *Rally Table*

**9** *Team Word-Web*

**10** Pertandingan Syarahan

**11** *Rush Idea*

**12** *Round Robin*

**13** *Windows Pane*

**14** *Role Play*

**15** *Expert Group*

**16** *Post It Notes*

**17** *TV Chat Show*

**18** *Gallery Walk*

**19** Sumbang Saran

**20** Lawatan



# TEMA 1

## SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM



## PELAJARAN 1

# SISTEM EKONOMI ISLAM



### STANDARD KANDUNGAN

- 1.1** Memahami konsep asas sistem ekonomi Islam dan melaksanakan tuntutannya dalam kehidupan.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 1.1.1** Menyatakan konsep asas dalam sistem ekonomi Islam.
- 1.1.2** Menjelaskan prinsip-prinsip asas dalam ekonomi Islam.
- 1.1.3** Menerangkan tentang konsep pemilikan harta dan matlamatnya dalam sistem ekonomi Islam.
- 1.1.4** Menghuraikan peranan pekerjaan sebagai salah satu cara dalam pemilikan harta.
- 1.1.5** Menilai kepentingan melaksanakan tuntutan ekonomi Islam dalam kehidupan.
- 1.1.6** Mencadangkan tindakan yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan persoalan ekonomi umat Islam pada hari ini.





## 1.1.1 Konsep Asas Sistem Ekonomi Islam

Ekonomi Islam ialah ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.

Sistem Ekonomi Islam di Malaysia




Firman Allah SWT:

﴿ اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلِيَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾ وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾ ﴾

**Ertinya:** “Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu agar kapal-kapal berlayar padanya dengan perintah-Nya, agar kamu mencari rezeki daripada kurniaan-Nya dan agar kamu bersyukur. Dan Ia memudahkan untuk kamu, segala yang ada di langit dan di bumi, sebagai rahmat daripada-Nya; sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan-Nya bagi kaum yang memikirkan dengan teliti.”

(Surah al-Jathiyah 45: 12-13).

### Asas Sistem Ekonomi Islam




### Glosari

#### **Ekonomi:**

Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu-isu kewangan yang bersangkutan dengannya.

### Sumber Utama Sistem Ekonomi Islam



Huraian Sumber Utama Sistem Ekonomi Islam





## 1.1.2 Prinsip-prinsip Asas Sistem Ekonomi Islam

1

### Akidah, Syariah, dan Akhlak Islam sebagai Teras

- Penghayatan iman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta mematuhi peraturan syariat dalam kegiatan ekonomi.
- Akhlak Islam hendaklah sentiasa diamalkan ketika berinteraksi dalam kegiatan ekonomi.

- Allah SWT ialah pemilik segalanya, manakala manusia ialah pemegang amanah Allah SWT dalam memakmurkan kegiatan ekonomi.
- Makhluk-makhluk lain dicipta oleh Allah SWT untuk memenuhi segala keperluan manusia.

### Manusia sebagai Khalifah 2

### 3 Pekerjaan dan Ganjaran

- Manusia dianjurkan untuk berusaha dan bekerja bagi menjana pendapatan.
- Penglibatan manusia dalam kegiatan ekonomi merupakan ibadah dan pekerja hendaklah diberi ganjaran yang setimpal oleh majikan.

- Keuntungan dan kerugian dalam kegiatan ekonomi ialah perkara lumrah.
- Mekanisme mudarabah dan musyarakah digalakkan bagi memenuhi prinsip ini.

### Keuntungan dan Kerugian 4

### 5 Keadilan Sosial

- Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada segenap lapisan rakyat.
- Keperluan hidup asasi individu seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara.

- Sebarang bentuk kerosakan sama ada kepada manusia atau alam sekitar dalam kegiatan ekonomi hendaklah dielakkan.
- Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam sekitar dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi.

### Larangan Kerosakan dan Kezaliman 6



### 1.1.3 Konsep Pemilikan Harta dan Matlamatnya

Pemilikan harta dalam Islam membawa maksud sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak seperti tanah, rumah, kenderaan dan sebagainya.



#### Nilai Penghayatan

Harta juga merupakan amanah dan ujian Allah SWT kepada manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah ujian dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”*

(Surah al-Taghabun 64: 15)

Allah SWT berfirman:

﴿ ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۚ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَخْلِفِيْنَ فِيْهِ ۗ فَاَلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ ۝ۗ ﴾

**Ertinya:** “Berimanlah kepada Allah dan rasul-Nya dan belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang kamu menguasainya sebagai wakil. Maka, orang yang beriman dalam kalangan kamu dan membelanjakan (harta benda), mereka mendapat pahala yang besar.”

(Surah al-Hadid 57: 7)

### Asas Pemilikan Harta

1

Allah SWT ialah pemilik sebenar harta yang menganugerahkannya dan mengamanahkannya kepada manusia.

2

Allah SWT telah menetapkan cara pemilikan harta yang sah seperti jual beli dan wasiat serta mengharamkan riba.


3

Allah SWT memerintahkan manusia berusaha untuk memiliki harta bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan mereka.

4

Allah SWT telah menetapkan cara perbelanjaan harta secara berhemat seperti tidak melakukan pembaziran dan tidak bakhil.





## Matlamat Pemilikan Harta

1

Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT kerana menurut peraturan syariat.

2

Menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.

3

Membangunkan ekonomi umat Islam.

4

Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman.




## Interaksi

Bincangkan implikasi pemilikan harta yang diperoleh tanpa menghayati konsep dan matlamat sebenar.



## 1.1.4 Peranan Pekerjaan

Pekerjaan menurut Islam ialah satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal. Peranan pekerjaan adalah seperti yang berikut:



Sabda Rasulullah SAW:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ، خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ  
السَّلَامُ، كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ.

Ertinya: "Tidak ada sesuatu yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik daripada apa-apa yang dimakan daripada usaha tangannya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Daud a.s. makan daripada usaha tangannya sendiri."

(Riwayat al-Bukhari)



### Interaksi

Cari maklumat tentang cara Rasulullah SAW menggiatkan ekonomi umat Islam di Madinah yang dikuasai oleh golongan Yahudi pada waktu itu.



- ◆ Pekerjaan yang halal.
- ◆ Menurut kehendak syariat.
- ◆ Menjaga ketenteraman awam.
- ◆ Memastikan keselamatan diri dan orang lain.
- ◆ Mengambil berat tentang ibadah.



Ciri-ciri Pekerjaan

- ◆ Merupakan ibadah yang diberi pahala.
- ◆ Memudahkan umatnya menunaikan ibadah seperti berzakat.
- ◆ Memenuhi keperluan hidup seperti makanan dan tempat tinggal.
- ◆ Mendapat penghormatan daripada masyarakat kerana mempunyai sikap tanggungjawab.
- ◆ Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT kerana melaksanakan ibadah fardu ain.



Sebab Islam Menuntut Umatnya Bekerja

## Islam dan Pekerjaan

Kebaikan Bekerja



Etika Kerja Islam

- ◆ Ikhlas bekerja kerana Allah SWT.
- ◆ Amanah ketika bekerja seperti tidak menipu.
- ◆ Tekun bekerja supaya memperoleh hasil yang diberkati Allah SWT.
- ◆ Akur terhadap arahan ketua selagi tidak bertentangan dengan syarak.
- ◆ Bekerjasama untuk meningkatkan produktiviti agar mencapai piawai dan kualiti yang ditetapkan.
- ◆ Berdisiplin dan menepati masa agar kerja dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan.



- ◆ Mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT.
- ◆ Mencari rezeki yang halal untuk menyara kehidupan sendiri dan keluarga.
- ◆ Mampu berdikari tanpa perlu meminta belas ihsan daripada orang lain.
- ◆ Meningkatkan taraf hidup kerana memiliki sumber pendapatan.
- ◆ Mengurangkan masalah pengangguran dan meningkatkan ekonomi negara.

### Kesan pekerjaan yang halal

- | Individu   | Masyarakat   | Negara  |
|--|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diberkati Allah SWT kerana mengikut syariat.</li> <li>• Dihormati masyarakat kerana melakukan kerja yang baik.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat sejahtera kerana diberkati Allah SWT.</li> <li>• Masyarakat maju kerana menjalankan kegiatan ekonomi yang adil.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara menjadi aman dan sejahtera.</li> <li>• Negara menjadi contoh kepada negara lain.</li> </ul> |

### Kesan pekerjaan yang haram

- | Individu   | Masyarakat  | Negara   |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilaknati Allah SWT kerana mengingkari syariat.</li> <li>• Dibenci masyarakat kerana melakukan kerja yang buruk.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat huru-hara kerana dilaknati Allah SWT.</li> <li>• Masyarakat mundur kerana kegiatan ekonomi dicemari unsur negatif.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara menjadi kucar-kacir.</li> <li>• Imej negara tercemar kerana mengamalkan perkara yang buruk.</li> </ul> |

### Implikasi hidup tanpa pekerjaan

- | Individu  | Masyarakat   | Negara  |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jiwa resah kerana mengalami kesempitan wang.</li> <li>• Dibenci masyarakat kerana sering meminta-minta.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berlaku masalah sosial seperti budaya melepak.</li> <li>• Berlaku masalah jenayah seperti mencuri.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merugikan tenaga kerja yang menyebabkan ekonomi merosot.</li> <li>• Ekonomi negara merosot disebabkan hilang sumber pendapatan.</li> </ul> |



### Interaksi

Ramalkan situasi yang akan berlaku apabila masyarakat terlalu memilih pekerjaan.



## 1.1.5 Kepentingan Melaksanakan Tuntutan Ekonomi Islam

Ekonomi Islam penting dilaksanakan dalam sesebuah negara bagi menjamin pembangunan yang seimbang serta keadilan dari segi pemerolehan dan pengagihan harta dalam kalangan rakyat.

Matlamat pembangunan sistem ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Setiap aktiviti yang dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat hendaklah berpandukan syariat dan disertai dengan niat atau tujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT.



### Kesan Pengabaian Sistem Ekonomi Islam

- Matlamat negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT tidak akan tercapai.
- Amalan riba berleluasa menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin semakin tertindas.
- Nilai-nilai moral semakin terhakis serta akan berleluasanya gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi.
- Pengagihan harta yang tidak adil dan pemilikan harta yang hanya tertumpu kepada kelompok kelas atasan sahaja.
- Ekonomi sesebuah negara akan hancur dan keharmonian hidup masyarakat akan terjejas.



## Sistem Ekonomi Konvensional

Sistem ekonomi konvensional ialah sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat. Antara jenis sistem ekonomi konvensional:

### Kapitalis

- Berpaksikan akal fikiran manusia semata-mata.
- Berasaskan kebebasan mutlak individu (*Laissez Faire*).
- Sistem berasaskan riba menjadi amalan.
- Berlaku ketidakadilan sosial dengan kewujudan jurang pendapatan yang besar antara golongan pemodal dengan rakyat biasa kerana amalan riba.

Laissez-faire



### Komunis

- Muncul akibat ketidakadilan pengagihan harta kekayaan dalam masyarakat.
- Segala keputusan ekonomi dibuat oleh pemerintah.
- Pemilikan individu atas faktor-faktor pengeluaran dihapuskan.
- Semuanya diserahkan dan dimiliknegerakan secara total bagi kepentingan masyarakat.

### Sosialis

- Hasil pemikiran antara gabungan dasar dengan prinsip antara kapitalis dengan komunis.
- Pemilikan individu dibuka dalam skop yang terhad.
- Keperluan individu akan ditentukan oleh tahap dan mutu kerja yang telah disumbangkannya.
- Sistem riba dikekalkan.

### Campuran

- Campuran antara sistem ekonomi yang mendokong kebebasan dengan sistem sosialis.
- Ekonomi dibangunkan bersama-sama antara pihak pemerintah dengan pihak swasta.
- Pemerintah melakukan pengawasan dalam perekonomian, namun pihak swasta masih diberi kebebasan untuk menentukan kegiatan-kegiatan ekonomi yang ingin dijalankan.
- Sistem campuran menyarankan keperluan campur tangan pemerintah secara aktif dalam kebebasan pihak swasta untuk melaksanakan kegiatan ekonominya.




### Nota Guru

Guru membimbing murid untuk menilai implikasi pelaksanaan sistem ekonomi konvensional dalam negara.



## 1.1.6 Tindakan Kepada Penyelesaian Persoalan Ekonomi Umat Islam



Ekonomi Islam menuntut keadilan dalam mengurus harta. Boleh anda kongsi bentuk-bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam ekonomi Islam?

Mengamalkan riba dalam memberi pinjaman.



Menipu dalam sukatan dan timbangan.



Memberi dan menerima rasuah.



Menganggur dan tidak mahu bekerja.



Melanggar hak cipta.



### Nota Guru

- Guru membimbing murid mengenal pasti permasalahan ekonomi yang lain bagi umat Islam.
- Guru meminta murid untuk mencadangkan penyelesaian kepada masalah ekonomi umat Islam pada masa kini.



## Refleksi

Berdasarkan situasi berikut, nyatakan tindakan yang patut anda lakukan untuk mengamalkan ekonomi Islam dalam kehidupan harian serta kepentingan tindakan tersebut.

### Situasi 1

Ketika membeli-belah di sebuah kedai runcit, anda menyedari bahawa pemiliknya menipu sukatan dan timbangan kepada pelanggan lain.

### Situasi 2

Anda melihat iklan dalam siaran televisyen mempromosikan barangan dengan menjadikan wanita yang tidak menutup aurat sebagai daya tarikan.

### Situasi 3

Anda sebagai seorang pekerja melihat majikan anda menerima rasuah daripada seorang kontraktor.

### Situasi 4

Semasa membeli-belah, anda menjumpai barangan yang menggunakan logo halal palsu.

### Situasi 5

Anda berjaya mencipta satu alatan dan memasarkannya. Namun beberapa tahun kemudian, anda mendapati bahawa alatan anda telah diciplak oleh syarikat lain dari luar negara.


### Contoh 1

Tindakan yang patut saya lakukan	Kepentingannya
Menegur secara bersopan terhadap pemilik kedai runcit tersebut bahawa menipu sukatan dan timbangan dalam berniaga adalah salah di sisi Islam dan Allah SWT mencela perbuatan tersebut.	Menghayati ajaran Islam supaya jujur dalam sesuatu perniagaan yang diusahakan.




## Aktiviti

- 1 Bincangkan etika bagi pekerjaan berikut serta bentangkan hasil perbincangan tersebut di hadapan kelas.



- 2 Laksanakan aktiviti *Round Table* untuk membincangkan:

- a) Prinsip-prinsip asas ekonomi Islam.
- b) Kesan pengabaian dalam pelaksanaan sistem ekonomi Islam.



- 3 Lakarkan Peta *i-Think* mengenai kepentingan melaksanakan tuntutan ekonomi Islam dalam kehidupan.
- 4 Layari Internet dan kumpulkan kisah-kisah kejayaan ahli perniagaan di dalam dan di luar negara. Bincangkan aspek positif kejayaan mereka yang boleh dikaitkan dengan etika dalam ekonomi Islam.
- 5 Rancangkan satu program keusahawanan sebagai satu aktiviti kokurikulum di sekolah anda dengan menulis kertas cadangan mengenainya.
- 6 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem ekonomi Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.





## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan prinsip sistem ekonomi Islam.

- 1 Prinsip \_\_\_\_\_ memastikan keperluan hidup asasi individu seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara.
- 2 Mudarabah dan musyarakah digalakkan dalam sistem ekonomi Islam bagi memenuhi prinsip keuntungan dan \_\_\_\_\_.


#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- 3 Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.

\_\_\_\_\_

Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:



- 4 X ialah \_\_\_\_\_.
- 5 Y ialah \_\_\_\_\_.

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 6 Matlamat utama pemilikan harta adalah bagi menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.
- 7 Sistem ekonomi Islam hanya bersifat holistik jika digabungkan dengan sistem ekonomi konvensional.

#### Soalan Esei

- 8 Jelaskan dua prinsip asas dalam ekonomi Islam.
- 9 Huraikan dua keistimewaan sistem ekonomi Islam.

Pengangguran merupakan isu ekonomi yang boleh menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat.

- 10 Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan dua kaedah Islam dalam menyelesaikan isu pengangguran.



Pengemis sedang meminta sedekah.

- 11 Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah isu tersebut dapat diselesaikan? Berikan hujah anda.

## PELAJARAN 2


# SISTEM KEWANGAN ISLAM

Maybank Islamic

4

Ar-Rahnu

Pajak Gadaai-1  
Pawm Broking-1  
Tunai Segera Untuk Emas Anda  
• Tidak perlu simpan  
• Boleh tempoh yang panjang  
• Segera urusah dipasarkan secara privat  
• Kumpulan emas-mana di dalam 10 Charge  
Bank Islam di seluruh negara



RHB Islamic



### STANDARD KANDUNGAN

- 1.2** Memahami konsep asas muamalat dalam institusi kewangan Islam serta melaksanakan tuntutananya dalam kehidupan.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 1.2.1** Menyatakan konsep asas muamalat dalam Islam.
- 1.2.2** Menerangkan jenis-jenis muamalat Islam dan cara-cara pelaksanaannya.
- 1.2.3** Menjelaskan peranan institusi kewangan Islam dalam menguruskan muamalat Islam.
- 1.2.4** Menilai kepentingan melaksanakan muamalat Islam dan pengurusan institusi kewangan Islam dalam kehidupan.
- 1.2.5** Mencadangkan amalan muamalat dan aktiviti kewangan Islam yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi umat Islam pada masa kini.



## 1.2.1 Konsep Asas Muamalat dalam Islam

Muamalat bermaksud hubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya.

Muamalat dalam sistem kewangan Islam bermaksud tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.

Allah SWT berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ... ﴾

Ertinya: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta benda sesama kamu dengan jalan yang batil (salah), kecuali dengan perniagaan yang dilakukan secara saling meredai antara kamu ..."

(Surah al-Nisa' 4: 29)



### Glosari

**Gharar:** Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.



## 1.2.2 Jenis-jenis Muamalat Islam dan Cara-cara Pelaksanaannya

Jenis-jenis Muamalat Islam	Definisi
1. <b>Al-Wadi'ah</b> (Simpanan)	Mewakilkkan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.
2. <b>Al-Mudarabah</b> (Pelaburan)	Pelabur memberi modal kepada pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian.
3. <b>Al-Murabahah</b> (Jualan penambahan untung)	Jual beli sesuatu barangan dengan makluman harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.
4. <b>Al-Musyarakah</b> (Syarikat)	Akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan.
5. <b>Al-Rahnu</b> (Gadaian)	Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.
6. <b>Al-Ijarah</b> (Sewa-menyewa)	Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.
7. <b>Al-Bai' Bithaman Ajil</b> (Jualan dengan bayaran tertangguh)	Penjualan barangan berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu secara ansuran atau sekali gus mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
8. <b>Takaful</b> (Insurans Islam)	Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman sejumlah wang yang akan disalurkan kepada pihak yang mengalami kemudaratan atas dasar <i>ta'awun</i> dan <i>tabarru'</i> .



### Glosari

- Margin:** Perbezaan antara dua jumlah.
- Ta'awun:** Tolong-menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu.
- Tabarru':** Peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful.



## Cara Pelaksanaan

Zulkifli mengamanahkan wangnya kepada pihak bank untuk disimpan. Bank pula memberikan jaminan bahawa wang tersebut akan dikembalikan kepadanya apabila diminta.

Ismail (pemodal) bersetuju untuk membiayai projek yang akan dilaksanakan oleh Habib (pengusaha) menurut nisbah keuntungan yang telah dipersetujui bersama.

Penjual menyatakan kos yang terlibat dan keuntungan yang dikehendakinya. Manakala pembayaran boleh dilakukan semasa penyerahan barang atau pada masa yang dipersetujui bersama. Sebagai contoh, Farah menjual rumahnya dengan mengambil keuntungan sebanyak 20 peratus daripada harga asal rumah tersebut.

Faizul mendapatkan modal daripada rakan kongsinya bagi memulakan perniagaan melalui perkongsian. Keuntungan atau kerugian ditanggung bersama sebagaimana dipersetujui berdasarkan modal masing-masing sama ada besar atau kecil.

Imtiyaz pergi ke pejabat *al-Rahnu* untuk menggadaikan barangan kemas, seterusnya mendapat sejumlah wang bagi memulakan perniagaan. Kemudian, pihak *al-Rahnu* memberi surat gadaian kepadanya bagi menebus semula barangan kemas tersebut dalam masa yang ditetapkan.

Umar selaku pemberi sewa dengan rela melakukan akad (kontrak) bagi menyewa rumah miliknya selama setahun kepada Abu Bakar dengan kadar sewa RM500 sebulan.

Adam membeli kereta secara pinjaman bank yang membiayai pembelian kereta baharunya. Pihak bank menjual semula kereta tersebut kepadanya dengan harga pokok dan keuntungan. Adam membayar pinjamannya secara tertangguh mengikut tempoh masa yang ditetapkan secara ansuran.

Anis menyertai skim takaful dengan melakukan bayaran secara bulanan kepada syarikat takaful, iaitu sebahagian daripada wangnya didermakan (*tabarru'*) kepada pihak yang ditimpa musibah atas dasar dan prinsip tolong-menolong (*ta'awun*).



### Interaksi

Bincangkan keistimewaan setiap jenis muamalat Islam yang anda pelajari.

Jenis-jenis Muamalat	Perbezaan	Persamaan
<i>Al-Wadi'ah</i>	Simpanan pemilik dijamin dan tiada sebarang keuntungan dijanjikan.	Simpanan dan pelaburan.
<i>Al-Mudarabah</i>	Pemodal berpotensi mendapat keuntungan yang tinggi, namun berisiko menerima kerugian yang tinggi juga.	
<i>Al-Musyarakah</i>	Keberhasilan syarikat menentukan keuntungan atau kerugian pemodal.	
<i>Al-Murabahah</i>	Penjualan barangan dengan maklumat kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.	Kontrak jual beli.
<i>Al-Bai' Bithaman Ajil</i>	Jual beli barangan dengan bayaran tertangguh sama ada secara ansuran atau sekali gus.	
<i>Al-Rahnu</i>	Pembiayaan wang dengan menjadikan barang yang berharga sebagai cagaran.	Membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera atau perkhidmatan.
<i>Al-Ijarah</i>	Pemilikan manfaat barangan atau perkhidmatan dengan bayaran sewaan.	



Adnin ingin membeli sebuah kereta. Apakah jenis muamalat yang terdapat dalam proses pembeliannya?

Melalui kontrak *Al-Bai' Bithaman Ajil*, Adnin membuat permohonan untuk pembiayaan keretanya dengan bayaran dibuat secara ansuran selama sembilan tahun.

Setelah mendapat kelulusan, pihak bank membeli kereta itu dengan harga RM50 000 daripada syarikat penjual kereta. Kemudian, pihak bank menjualnya kepada Adnin dengan harga tertangguh sebanyak RM64 800. Melalui kontrak ini, Adnin membuat pembayaran kepada pihak bank sebanyak RM600 setiap bulan selama sembilan tahun.





## 1.2.3 Peranan Institusi Kewangan Islam dalam Mengurus Muamalat Islam

Institusi kewangan Islam ialah badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam.

### Sejarah Institusi Kewangan Islam pada Zaman Rasulullah SAW

Institusi kewangan Islam telah wujud pada zaman Rasulullah SAW. Institusi baitulmal telah ditubuhkan untuk mengumpul harta negara seperti zakat, jizyah, ghanimah, fai', dan sebagainya. Kemudian, harta tersebut diagihkan kepada orang miskin, anak yatim dan golongan yang memerlukan.

### Institusi Kewangan Islam di Malaysia

1

Perbankan Islam



2

Tabung Haji



3

Takaful



4

Zakat



5

Wakaf



6

Baitulmal



## Glosari

### Jizyah:

Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sebuah negara Islam.

### Ghanimah:

Harta rampasan dalam peperangan.

### Fai':

Harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang.

## Peranan Institusi-institusi Kewangan Islam

### Perbankan Islam

Perbankan Islam ialah institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara yang patuh syariah.

- Menyediakan urusan perbankan Islam yang patuh syariah.
- Mempromosikan produk-produk kewangan Islam.

### Tabung Haji

Tabung Haji merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

- Menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji kepada para pendeposit.
- Menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah kepada para pelanggannya.

### Takaful

Industri takaful di Malaysia berkembang pesat selaras dengan perkembangan industri perbankan Islam.

- Menyediakan sistem perlindungan yang patuh syariah dalam hal ehwal insurans Islam.
- Persediaan menghadapi malapetaka kewangan yang memberi kesan dan risiko besar kepada kehidupan seperti kematian dan sakit kritikal.

### Zakat

Institusi zakat merupakan institusi awam yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih bersistematik.

- Mengutip zakat daripada pembayar zakat.
- Mengagihkan zakat secara efisien dan adil kepada asnaf zakat.



### Wakaf

Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri yang merupakan pemegang tunggal kepada semua harta wakaf di Malaysia.

- Memastikan harta wakaf ditadbir dengan baik dan efisien supaya masyarakat Islam mendapat faedah daripada harta wakaf.
- Memegang amanah kesemua harta wakaf.

### Baitulmal

Institusi baitulmal berfungsi untuk menguruskan harta orang Islam yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri mengikut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri.

- Menerima pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara seperti zakat, harta wakaf, cukai, dan lain-lain.
- Membahagikan semula manfaatnya kepada rakyat secara adil.



## 1.2.4 Kepentingan Pelaksanaan Muamalat Islam dan Pengurusan Institusi Kewangan Islam dalam Kehidupan

### Kepentingan Pelaksanaan Muamalat Islam

#### Individu

- Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala kerana menuruti muamalat Islam yang berteraskan wahyu.
- Memperoleh jaminan keadilan dalam sistem kewangan Islam.

#### Masyarakat

- Masyarakat dapat saling mengenali dan mengeratkan silaturahim.
- Masyarakat hidup dalam suasana bantu-membantu melalui sistem *ta'awun* dan *tabarru'*.

#### Negara

- Ekonomi negara dalam keadaan baik dan diredai Allah SWT.
- Pendapatan dan pengagihan harta negara dapat dilaksanakan dengan efisien.

#### Individu

- Dilaknat oleh Allah SWT kerana ingkar suruhan syariat.
- Jiwa menjadi resah kerana takut harta ditipu oleh orang lain.
- Dibenci masyarakat kerana melakukan penindasan.
- Melahirkan individu yang tamak kerana mementingkan diri sendiri.

#### Masyarakat

- Masyarakat berpecah belah kerana hilang semangat tolong-menolong.
- Masyarakat tidak aman kerana berlaku permusuhan.
- Berlaku penindasan dalam masyarakat seperti riba.
- Masyarakat akan bersikap prejudis antara satu sama lain.

#### Negara

- Ekonomi negara merosot kerana tidak diberkati Allah SWT.
- Wujudnya jurang ekonomi yang ketara antara golongan kaya dengan miskin.
- Negara akan terjebak dalam krisis hutang yang tinggi akibat sistem riba.
- Para pelabur kurang yakin untuk melakukan pelaburan di dalam negara.

Keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam




## 1.2.5 Amalan Muamalat dan Aktiviti Kewangan Islam

1



Berjual beli dengan jujur dan amanah.

2



Sewa-menyewa dengan kontrak yang dipersetujui bersama.

3



Mendapatkan pembiayaan dengan serahan barang cagaran.

4



Membuka akaun simpanan menggunakan sistem perbankan Islam.

5



Menggunakan produk takaful dalam kehidupan.

6



Melabur wang dalam skim pelaburan patuh syariah.



### Nota Guru

Guru meminta murid mencadangkan beberapa amalan lain yang boleh dilakukan oleh murid untuk membuktikan kefahaman mereka bagi mengamalkan sistem muamalat dan kewangan Islam dalam kehidupan.

Antara langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam:

1



Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan negara.

2



Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam.

3



Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh.

4



Mengemaskinkan sistem muamalat Islam supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam.



### Nilai Penghayatan

1. Sentiasa memilih dan mengutamakan perbankan Islam berbanding konvensional.
2. Sentiasa berusaha mempraktikkan etika dan nilai murni dalam muamalat Islam.



## Refleksi

Mari Membantu Semarakkan Sistem Kewangan Islam

Secara berpasangan, jalankan aktiviti di bawah melalui kad situasi yang diberikan.



Kad 1

Adik anda ingin membuka akaun simpanan konvensional di bank kerana menginginkan pulangan faedah yang lebih. Apakah nasihat anda kepadanya?



Kad 2

Anda didatangi oleh agen insurans yang menawarkan insurans kesihatan. Nyatakan tindakan anda.



Kad 3

Rakan anda ingin mengembangkan perniagaannya tetapi kekurangan modal. Bagaimanakah cara anda untuk membantunya?



Kad 4

Rakan anda kesempitan wang. Beliau telah menggadaikan barang kemas isterinya kepada syarikat gadaian yang tidak patuh syariah kerana menginginkan kelulusan dan wang tunai dengan segera. Ramalkan kesan tindakannya dan nyatakan cara anda menangani masalah rakan anda ini.



## Nota Guru

- Minta murid menjelaskan sebab kepada jawapan yang diberikan.
- Guru boleh mencadangkan situasi lain.



## Interaksi


Bincangkan implikasi kehidupan masyarakat tanpa pelaksanaan sistem kewangan Islam.





## Aktiviti

- 1 Secara berkumpulan, persembahkan dalam bentuk Peta *i-Think* bagi perkara berikut:
  - a) Jenis-jenis muamalat dalam sistem kewangan Islam.
  - b) Cara pelaksanaan *al-Bai' Bithaman Ajil* dalam sistem perbankan Islam.
- 2 Lakukan aktiviti *Rush Idea* untuk meminta pendapat murid mengenai faktor-faktor perkembangan pesat sistem kewangan Islam.
- 3 Secara berkumpulan, bincangkan isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan perbankan Islam berdasarkan sumber Internet.
- 4 Layari laman sesawang Tabung Haji serta kenal pasti fungsi dan peranannya sebagai institusi kewangan Islam.
- 5 Rancangkan satu lawatan ke salah satu institusi kewangan Islam secara berkumpulan. Hasilkan laporan lawatan tersebut khususnya mengenai peranan institusi kewangan Islam sebagai pengantara kewangan Islam dalam masyarakat.
- 6 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem kewangan Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.





## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan sistem kewangan Islam.

- Institusi \_\_\_\_\_ menerima pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain serta membahagikan semula manfaatnya kepada rakyat secara adil.
- Al-Rahnu* yang bermaksud gadaian dan \_\_\_\_\_ yang bermaksud jualan dengan bayaran tertangguh ialah dua jenis muamalat Islam.


#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman sejumlah wang yang akan disalurkan kepada pihak yang mengalami kemudaratan atas dasar *ta'awun* dan *tabarru'*.

\_\_\_\_\_

#### Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:



4 X ialah \_\_\_\_\_ .

5 Y ialah \_\_\_\_\_ .

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- Melaburkan wang dalam skim pelaburan konvensional ialah salah satu cara amalan dalam muamalat Islam.
- Membuka akaun simpanan *al-Wadi'ah* di bank akan mengelakkan pelanggan daripada unsur riba.

### Soalan Esei

- Nyatakan maksud muamalat dalam sistem kewangan Islam.
- Jelaskan dua cara anda dapat melaksanakan tuntutan muamalat Islam.
- Terangkan dua jenis muamalat Islam.

Riba menghancurkan sistem kewangan Islam.

- Pada pendapat anda, berikan tiga bukti untuk menyokong pernyataan di atas. 🧠

# TEMA 2

## SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM



## PELAJARAN 3

# SISTEM PERUNDANGAN ISLAM



### STANDARD KANDUNGAN

- 2.1** Memahami konsep asas sistem perundangan Islam dan kewajipan mematuhi tuntutan pelaksanaannya dalam kehidupan.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 2.1.1** Menyatakan konsep asas sistem perundangan Islam.
- 2.1.2** Menerangkan keunggulan sistem perundangan Islam.
- 2.1.3** Menjelaskan matlamat utama sistem perundangan Islam dan cara merealisasikannya dalam kehidupan.
- 2.1.4** Menilai kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dan mematuhi pelaksanaannya dalam semua aspek kehidupan.
- 2.1.5** Mencadangkan tindakan yang boleh dilakukan untuk mematuhi pelaksanaan perundangan dalam kehidupan.



## 2.1.1 Konsep Asas Sistem Perundangan Islam


Perundangan Islam bermaksud hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT:

﴿ ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ ﴾

Ertinya: "Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan syariat daripada hukum agama; maka turutlah ia, dan janganlah diturut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."

(Surah al-Jathiyah 45: 18)



### Sumber Utama Sistem Perundangan Islam



Huraian Sumber Utama Sistem Perundangan Islam





## 2.1.2 Keunggulan Sistem Perundangan Islam

Antara keunggulan sistem perundangan Islam termasuklah:




### Nilai Penghayatan

Umat Islam mesti berpegang kepada perundangan Islam dalam semua aspek kehidupan untuk memastikan masyarakat dan negara memperoleh keamanan dan kesejahteraan hidup.



## 2.1.3 Matlamat Sistem Perundangan Islam



### 1 Cara Islam memelihara agama

- Menyuruh umatnya patuh kepada perintah Allah SWT supaya hidup diberkati.
- Menyuruh umatnya menjauhi larangan Allah SWT untuk mengelakkan dosa.
- Melarang perbuatan syirik supaya akidah terpelihara.
- Mensyariatkan hukuman yang tegas kepada orang murtad supaya agama tidak tercemar.

### 2 Cara Islam memelihara nyawa

- Menyuruh umatnya menjaga kesihatan diri seperti makan makanan yang halal dan baik.
- Melarang umatnya terlibat dengan kegiatan yang membahayakan diri seperti lumba haram.
- Melarang perbuatan bunuh diri dan orang lain kerana ia berdosa besar.
- Mensyariatkan hukuman qisas kepada pembunuh supaya wujud keadilan.

### 3 Cara Islam memelihara akal

- Menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.
- Melarang umatnya melakukan perkara yang merosakkan akal seperti membaca bahan lucah.
- Melarang perbuatan minum arak dan menyalahgunakan dadah kerana perkara tersebut boleh merosakkan akal.
- Mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak supaya timbul keinsafan.



## Glosari

**Syirik:** Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT.

**4**

#### Cara Islam memelihara keturunan

- Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah.
- Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini seperti diharamkan berkahwin dengan ibu, adik-beradik perempuan dan sebagainya.
- Melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay kerana boleh merosakkan keturunan.
- Mensyariatkan hukuman sebat 100 kali (penzina belum berkahwin) atau rejam sampai mati (penzina sudah berkahwin) supaya masyarakat mengambil iktibar.

**5**

#### Cara Islam memelihara harta

- Menggariskan peraturan pemilikan harta supaya harta dimiliki secara halal dan sah.
- Menawarkan pelbagai jenis muamalat Islam supaya manusia dapat menjalankan kegiatan ekonomi yang adil seperti yang dikehendaki syarak.
- Melarang perbuatan mencerooboh harta orang lain seperti mencuri, merompak, memeras ugut, riba, rasuah dan sebagainya.
- Mensyariatkan hukuman potong pergelangan tangan kepada pencuri supaya masyarakat takut untuk melakukan jenayah mencuri.

### Cara Merealisasikan Sistem Perundangan Islam dalam Kehidupan







## 2.1.4 Kepentingan Melaksanakan Sistem Perundangan Islam dalam Kehidupan

- Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong seperti tiada unsur-unsur syirik, kufur dan sebagainya.
- Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa.
- Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran.
- Melahirkan zuriat yang halal hasil daripada perkahwinan yang mengikut syarak.
- Memperoleh harta secara halal tanpa berlaku penceroohan harta.



### Nilai Penghayatan

Sentiasa mematuhi perundangan Islam supaya hidup sejahtera di dunia dan di akhirat.

### Kesan Pengabaian Pelaksanaan Sistem Perundangan Islam



### Interaksi

Secara berkumpulan, hasilkan Peta *i-Think* tentang perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan ciptaan manusia.



## 2.1.5 Tindakan Pematuhan Perundangan Islam dalam Kehidupan

### 1 Mempelajari ilmu agama



- Memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang merosakkan akidah.

### 3 Memakai pakaian yang menutup aurat



- Menjaga maruah diri.
- Menjauhkan diri daripada maksiat dan kemungkar.

### 5 Mengamalkan muamalat Islam



- Memperoleh harta yang halal.
- Mengelakkan amalan rasuah dan pecah amanah.

### 2 Memakan makanan yang halal



- Membentuk akal fikiran dan minda yang cerdas.
- Menjamin kesihatan tubuh badan daripada jangkitan penyakit.

### 4 Mematuhi undang-undang jalan raya



- Menjaga keselamatan ketika menaiki kenderaan.
- Mengelakkan kecederaan parah jika ditimpa kemalangan.



### Nota Guru


Guru meminta murid:

- Mencadangkan tindakan lain yang boleh dilakukan oleh murid untuk mematuhi pelaksanaan perundangan Islam dalam kehidupan.
- Menjelaskan kepentingan dalam setiap tindakan yang dicadangkan.



## Refleksi

Berdasarkan situasi berikut, terangkan matlamat perundangan Islam yang ingin dicapai bagi memenuhi kehendak pelaksanaan perundangan Islam.



1

Ahmad menegur abangnya yang tidak menunaikan solat fardu dengan cara memberi tazkirah melalui media sosial.



2

Ali menolak ajakan kawannya untuk melayari laman sesawang pornografi.



3

Asmah seorang peniaga kuih yang sangat mementingkan kebersihan dan kualiti kuih yang dihasilkan.



4

Roslan menamatkan zaman bujangnya kerana ingin memiliki keluarga yang bahagia.



5

Azman membeli kereta menggunakan kaedah *al-Bai' Bithaman Ajil* kerana tidak mahu terlibat dengan riba.



## Aktiviti

- 1 Secara berkumpulan, bincangkan apakah faktor yang menyebabkan segelintir umat Islam tidak mematuhi perundangan Islam?
- 2 Laksanakan aktiviti pertandingan syarahan agama bertajuk “Keunggulan Perundangan Islam dalam Kehidupan Manusia”.
- 3 Kumpulkan keratan akhbar yang memaparkan kes-kes pelanggaran perundangan Islam serta sarankan cara penyelesaian kes-kes tersebut.
- 4 Laksanakan aktiviti sumbang saran usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi mencapai matlamat perundangan Islam berikut di sekolah anda:
  - a) Memelihara agama.
  - b) Memelihara harta.
- 5 Laksanakan aktiviti *Round Robin* secara berkumpulan tentang tindakan yang boleh anda lakukan sebagai murid bagi merealisasikan matlamat perundangan Islam di negara kita dan bentangkan hasil dapatan kajian di hadapan kelas.
- 6 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem perundangan Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.





## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan matlamat perundangan Islam.


- 1 Antara cara Islam memelihara \_\_\_\_\_ adalah dengan melarang manusia melakukan perbuatan syirik kepada Allah SWT.
- 2 Islam mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak bertujuan untuk memelihara \_\_\_\_\_ manusia.

#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- 3 Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:



4 V ialah \_\_\_\_\_ .

5 W ialah \_\_\_\_\_ .

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 6 Umat Islam dijamin akan memperoleh keamanan sekiranya berusaha melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan mereka.
- 7 Kepentingan mengamalkan perundangan Islam hanya memberi kebaikan kepada umat Islam sahaja.

### Soalan Esei

- 8 Terangkan dua cara Islam memelihara nyawa manusia.
- 9 Huraikan dua kepentingan melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan manusia.

Gejala minum arak merupakan salah satu punca berlakunya jenayah lain seperti bergaduh kerana hilang kewarasan akal.

- 10 Huraikan dua cara Islam menyelesaikan masalah di atas.

Sebahagian kes rasuah berlaku dalam kalangan individu berjawatan tinggi walaupun mereka ialah golongan cerdik pandai dan mengetahui perbuatan tersebut menyalahi perundangan Islam.

- 11 Mengapakah situasi di atas berlaku? Berikan pandangan anda.



# PELAJARAN 4

## SISTEM KEHAKIMAN ISLAM



### STANDARD KANDUNGAN

- 2.2** Memahami konsep asas sistem kehakiman Islam dan kewajiban mematuhi tuntutan pelaksanaannya serta menjauhi perbuatan yang dilarang oleh syarak.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 2.2.1** Menyatakan konsep asas sistem kehakiman Islam.
- 2.2.2** Menerangkan matlamat sistem kehakiman Islam.
- 2.2.3** Menjelaskan jenis kesalahan jenayah dan hukumannya serta prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.
- 2.2.4** Menghuraikan syarat pelantikan, etika dan peranan hakim dalam institusi kehakiman Islam.
- 2.2.5** Menilai kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam dalam sesebuah negara dan kewajiban mematuhi tuntutan pelaksanaannya serta menjauhi diri dari perbuatan jenayah.
- 2.2.6** Mencadangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh individu untuk menjauhi perbuatan yang dilarang dan menyokong institusi perundangan dalam usaha mendaulatkan sistem kehakiman Islam.



## 2.2.1 Konsep Asas Sistem Kehakiman Islam

Kehakiman atau *al-Qadha'* dari segi bahasa bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan, dan mencegah. Dari sudut syarak pula bermaksud menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.

Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

**Ertinya:** "Sesungguhnya Allah menyuruhmu menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, hendaklah kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah adalah yang paling baik memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Melihat."

(Surah *al-Nisa'* 4: 58)

### Kehakiman pada Zaman Rasulullah SAW

Selain tugas sebagai ketua negara dan ketua agama, Rasulullah SAW juga berperanan sebagai ketua hakim. Pada peringkat awal, kes-kes kehakiman diselesaikan sendiri oleh baginda. Apabila wilayah Islam semakin luas, Rasulullah SAW melantik dan menghantar beberapa orang sahabat menjadi gabenor merangkap sebagai hakim. Hal ini terbukti dengan perutusan Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. dan Muaz bin Jabal r.a. ke Yaman sebagai hakim.

### Kehakiman pada Zaman Khulafa Ar-Rasyidin

Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. meneruskan kuasa kehakiman seperti pada zaman Rasulullah SAW. Semasa pemerintahan Sayidina Umar bin al-Khattab r.a., sebuah badan khas untuk mentadbir urusan kehakiman ditubuhkan bagi menangani pelbagai permasalahan yang timbul. Beliau mengasingkan kuasa kehakiman daripada kuasa pemerintahan. Pada zaman Sayidina Uthman bin Affan r.a., beliau telah memberi saraan kepada hakim dengan hasil yang diperuntukkan khas daripada simpanan baitulmal yang mula diasaskan oleh Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.. Manakala Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. pula telah mengekalkan hakim yang dilantik oleh Sayidina Uthman bin Affan r.a..

**1**

**Merujuk kepada wahyu rabbani**

Sumber asas kehakiman Islam adalah daripada wahyu Allah SWT. Sebarang keputusan dan tindakan hakim mesti berasaskan panduan *al-Quran* dan *al-Hadis*.

**4**

**Mengamalkan adab dan akhlak Islam**

Menjunjung dan memelihara nilai-nilai mulia dalam masyarakat supaya tidak dicemari dengan sifat-sifat mazmumah seperti melakukan kezaliman atas orang lain.

**Prinsip-prinsip  
Kehakiman Islam**

Bagi menjamin keadilan dan menghapuskan kezaliman, sistem kehakiman Islam mestilah berlandaskan prinsip-prinsip tertentu. Antaranya adalah:

**2**

**Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman**

Kehakiman Islam bersifat adil tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang bagi memastikan kezaliman dapat dihapuskan.

**3**

**Menyeru kebaikan serta mencegah kemungkaran**

Hal ini dapat dilakukan dengan pelaksanaan hukuman yang bersifat pencegahan, pembalasan dan pemulihan terhadap masyarakat daripada melakukan perbuatan jenayah.





## 2.2.2 Matlamat Sistem Kehakiman Islam

### 1 Menegakkan keadilan

Keadilan yang dianjurkan dalam Islam ialah keadilan sejagat tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama. Maka, sesiapa yang terbukti bersalah perlu dihukum dengan adil.

Firman Allah SWT:

﴿ وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ  
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴾

**Ertinya:** “Dan jika engkau menghukum, maka hukumlah antara mereka dengan adil kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

(Surah al-Ma'idah 5: 42)

### 2 Menentang kezaliman

Islam menentang sebarang bentuk kezaliman yang boleh menggugat keamanan hidup masyarakat.

Firman Allah SWT:

﴿ وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا  
نُنصِرُونَ ﴾

**Ertinya:** “Dan janganlah kamu cenderung kepada orang yang melakukan kezaliman yang akan menyebabkan kamu dibakar (oleh) api neraka ketika kamu tidak mempunyai seorang pelindung pun selain Allah. Kemudian, kamu tidak akan diberi pertolongan.”

(Surah Hud 11: 113)

### 3 Membela orang yang dizalimi

Sistem kehakiman Islam amat mengambil berat terhadap orang yang dizalimi demi menegakkan keadilan agar maruah, harta benda dan nyawa mereka dikembalikan haknya.

Sabda Rasulullah SAW:

أَنْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا ...

**Ertinya:** “Tolonglah saudaramu yang berbuat zalim (menasihatinya atau menghalangnya) atau yang dizalimi (dibantu dan dibela) ...”

(Riwayat al-Bukhari)



## 2.2.3 Jenis Kesalahan Jenayah dan Hukumannya

### Klasifikasi Hukuman Jenayah dalam Islam

1

#### HUDUD

Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.

Manusia tidak mempunyai sebarang hak untuk menambah atau mengurangkan hukuman tersebut setelah disabitkan.

Kesalahan	Hukuman
Zina	<ul style="list-style-type: none"><li>• Belum berkahwin: Disebat 100 kali.</li><li>• Telah berkahwin: Direjam sampai mati.</li></ul>
Qazaf	Disebat 80 kali.
Minum arak	Disebat 40 kali.
Mencuri	Dipotong pergelangan tangan.
Merompak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengganggu ketenteraman awam: Dipenjara atau dibuang daerah.</li><li>• Merampas harta tanpa membunuh: Tangan dan kaki dipotong secara bersilang.</li><li>• Merampas harta dan membunuh: Dibunuh dan dipalang.</li></ul>
Murtad	Dibunuh. Hukuman bunuh hanya diputuskan oleh pemerintah Muslim setelah berlaku enggan bertaubat apabila diminta.



#### Glosari

**Qazaf:** Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.

**Murtad:** Orang yang keluar daripada agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat.

Perincian  
Prosedur  
Pensabitan  
Hudud



Hukuman  
Hudud



## UNDANG-UNDANG HUDUD

2

**QISAS**

Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal.

Hukuman tersebut tidak boleh diubah atau dibatalkan setelah sabit kecuali pihak yang menuntut bela memaafkannya dan diganti dengan bayaran diat.

Kesalahan	Hukuman
Membunuh dengan sengaja.	Dibalas bunuh.
Mencederakan anggota badan.	Dibalas cedera sebagaimana kecederaan mangsa.



3

**TAKZIR**

Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.

Kesalahan	Hukuman
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesalahan-kesalahan hudud dan qisas yang tidak cukup bukti untuk dikenakan hukuman hudud dan qisas.</li> <li>• Kesalahan-kesalahan khalwat dan mencuri yang tidak cukup nisab.</li> <li>• Perbuatan mengganggu ketenteraman awam seperti menipu, rasuah, berjudi, kesalahan jalan raya, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasihat/teguran</li> <li>• Ancaman/pemulauan</li> <li>• Pengisytiharan umum</li> <li>• Denda/merampas harta (sita)</li> <li>• Sebat</li> <li>• Buang daerah</li> <li>• Penjara</li> </ul>

**Informasi**

Nisab jenayah mencuri ialah kadar minimum harta curian yang boleh dijatuhkan hukuman potong pergelangan tangan. Nisabnya ialah sebanyak 1/4 dinar bersamaan 1.06 gram emas.



## 4

## DIAT

Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

Jenis Diat	Keterangan	Kadar Diat
Diat Berat	Membunuh dengan sengaja yang ada niat membunuh. Waris mangsa tidak mahu qisas dijalankan dan menukar dengan diat.	100 ekor unta ditanggung oleh pembunuh sepenuhnya dan mesti dibayar segera.
	Membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olah sengaja. Sebagai contoh, seseorang memukul orang lain dengan rotan, lalu mati.	100 ekor unta ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar secara beransur-ansur selama tiga tahun.
Diat Ringan	Membunuh dengan tidak sengaja. Sebagai contoh, seorang pemburu tertembak orang lain yang disangka seekor rusa.	<p>100 ekor unta yang ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar beransur-ansur selama tiga tahun.</p> <p>Dibahagikan kepada lima jenis unta:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 ekor unta betina berumur setahun ke atas.</li> <li>• 20 ekor unta jantan berumur dua tahun ke atas.</li> <li>• 20 ekor unta betina berumur dua tahun ke atas.</li> <li>• 20 ekor unta betina berumur tiga tahun ke atas.</li> <li>• 20 ekor unta betina berumur empat tahun ke atas.</li> </ul>



### Informasi

Sayidina Umar bin al-Khattab r.a. pernah menetapkan bayaran diat bagi mereka yang tidak mempunyai unta boleh dibayar dengan emas, perak, lembu, kambing dan pakaian. Pada masa kini, kadar diat ditentukan mengikut nilai harga semasa seratus ekor unta.

## Prosedur Keterangan untuk Mensabitkan Kesalahan

### PENGAKUAN

- Pengakuan yang jelas daripada orang yang telah melakukan kesalahan.
- Pengakuan dibuat secara waras dan bebas tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

Saya mengaku saya bersalah.



### KESAKSIAN

- Saksi mesti baligh, sempurna akal, adil, amanah dan bebas daripada sebarang keraguan.
- Saksi tidak bermusuh dengan orang yang didakwa.
- Bilangan saksi sekurang-kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil bagi sesetengah kes. Bagi kes perzinaan, saksinya ialah empat orang lelaki.



### PEMBUKTIAN

- Kesalahan boleh disabitkan apabila dapat dibuktikan melalui bahan atau alat tertentu berkaitan kes seperti ujian asid deoksiribonukleik (DNA), senjata, kesan jari dan sebagainya.



### Interaksi

Hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan kesalahannya. Jelaskan hikmah atas setiap hukuman yang diterima oleh seseorang pesalah yang telah dibuktikan kesalahannya.

Keistimewaan  
Hukuman  
Jenayah dalam  
Islam





## 2.2.4 Syarat Pelantikan, Etika dan Peranan Hakim

### Syarat Pelantikan Hakim

Islam sangat menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan kelayakan dan pelantikan hakim. Bagi melayakkan seseorang menjadi hakim, beliau perlu memiliki beberapa syarat tertentu. Antaranya:

#### 1 Islam dan beriman

Hakim perlu memahami hukum-hukum Islam dan mempunyai keimanan yang kuat agar dapat mempraktikkan syariat Islam dalam perbicaraan. Hal ini amat penting supaya hakim terhindar daripada penyalahgunaan kuasa dalam menjatuhkan hukuman.

#### 2 Baligh dan berakal

Tugas hakim memerlukan pemikiran yang matang dan tajam supaya keputusan yang dibuat bertepatan dengan kebenaran. Keputusan yang tepat tidak dapat dibuat sekiranya seseorang itu belum baligh dan tidak mempunyai akal fikiran yang waras.

#### 3 Adil

Seseorang hakim perlu sentiasa mematuhi hukum-hukum syariat Islam, tidak melakukan dosa besar atau melazimi dosa kecil, mempunyai akhlak yang baik dan menjauhi maksiat. Sifat tersebut amat penting supaya hakim dapat menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan baik.

#### 4 Berilmu dan bijaksana

Hakim mestilah boleh berijtihad, mampu memahami nas-nas syarak dan menguasai ilmu-ilmu kehakiman serta berpandangan jauh. Hal tersebut amat penting supaya hakim dapat membuat keputusan yang bijak demi menyelesaikan masalah secara menyeluruh.

#### 5 Sempurna pancaindera

Hakim mestilah sempurna pancainderanya seperti memiliki pendengaran yang baik, penglihatan yang jelas dan percakapan yang fasih. Hal ini amat penting supaya hakim dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna dan lancar.



### Glosari

**Ijtihad:** Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah (dalam kaitannya dengan agama Islam).



## Peranan Hakim

- 1** Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan.  
Hukuman dijatuhkan tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang sama ada keluarga terdekat, orang kaya atau pemimpin supaya kewibawaan hakim dipandang tinggi.
- 2** Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang.  
Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman dalam keadaan marah supaya tidak tersalah membuat keputusan.
- 3** Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah.  
Hakim mesti tegas dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh setelah cukup bukti dan saksi supaya jenayah dapat dibendung.
- 4** Membebaskan tertuduh jika didapati terdapat keraguan dari segi bukti dan hujah.  
Hakim mesti membebaskan tertuduh sekiranya tidak dapat dibuktikan yang dia bersalah supaya tidak berlaku penganiayaan kepada tertuduh.



### Nota Guru

Guru meminta sumbang saran daripada murid tentang akibat sekiranya hakim yang dilantik tidak mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.



### Nilai Penghayatan

Sentiasa mengamalkan sikap jujur dan adil dalam setiap keputusan dan tindakan.



## 2.2.5 Kepentingan Melaksanakan Sistem Kehakiman Islam

Antara kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam termasuklah:

1

Mampu menyelesaikan permasalahan manusia secara menyeluruh.

2

Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara.

3

Menegakkan amar makruf dalam masyarakat.

4

Membendung perkara mungkar dan jenayah daripada berleluasa.

5

Mewujudkan keadilan sejagat.

6

Mengembalikan hak kepada orang yang dizalimi.

7

Memberi pengajaran dan didikan kepada penjenayah daripada mengulangi kesalahan.

### Kewajipan Mematuhi Tuntutan Pelaksanaan Kehakiman Islam

Umat Islam wajib mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam dengan cara:

1

Menjadikan *al-Quran* dan *al-Hadis* sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan kes supaya tindakan yang diambil tidak menyalahi syarak.

2

Melaksanakan etika kehakiman Islam secara menyeluruh supaya matlamat untuk mewujudkan keamanan masyarakat dicapai.

3

Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

4

Melantik orang yang berkelayakan sebagai hakim seperti memiliki sifat adil.



### Interaksi

Bincangkan kesan pengabaian sistem kehakiman Islam kepada individu, masyarakat dan negara.



## Cara Menjauhkan Diri daripada Perbuatan Jenayah

Antara tindakan yang sesuai untuk menjauhi perbuatan yang dilarang oleh agama dan undang-undang negara adalah:

- 1** Mematuhi peraturan agama seperti menunaikan solat dan menutup aurat.




- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- Mewujudkan perasaan takut akan pembalasan Allah SWT.

- 2** Menuntut ilmu yang bermanfaat seperti ilmu fardu ain dan fardu kifayah.



- Mengetahui kebaikan dan keburukan sesuatu perkara.
- Memperoleh kejayaan dalam hidup.

- 3** Mengisi masa dengan perkara berfaedah seperti membaca dan beriadah.



- Menghalang diri daripada melakukan perbuatan sia-sia.
- Menambah pahala dan keberkatan hidup.

- 4** Memilih rakan yang baik seperti rakan yang sentiasa berakhlak mulia.



- Rakan yang baik akan mengajak untuk melakukan kebaikan.
- Mewujudkan ukhuwah sesama rakan bagi mengelakkan persengketaan.



### Nota Guru

Guru meminta murid:

- Mencadangkan tindakan lain yang boleh dilakukan untuk menjauhi perbuatan jenayah.
- Menjelaskan kesan tindakan tersebut kepada individu yang mengamalkannya.




## 2.2.6 Tindakan Menjauhi Perbuatan yang Dilarang

Cadangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan bagi menyelesaikan situasi di bawah:




Ramlah melihat pak ciknya mengabaikan solat maghrib kerana sibuk berniaga di pasar malam.

Razif sering diajak oleh rakannya untuk berlumba motosikal di jalan raya.



Rashid seorang pegawai yang bertanggungjawab untuk meluluskan sesuatu permohonan kontrak perniagaan sering disogok dengan wang rasuah.

Rahimah sering bergaduh dengan suaminya kerana suaminya gagal melaksanakan tanggungjawab memberi nafkah zahir dan batin.



Rahim ternampak seorang lelaki membuang sisa toksik ke dalam sungai.

## Tindakan Menyokong Institusi Perundangan

1

Meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pendukung institusi kehakiman Islam melalui kursus dan seminar supaya kewibawaan mereka dipandang tinggi oleh masyarakat.




2

Menyebarluaskan ilmu dan kefahaman tentang institusi kehakiman Islam kepada masyarakat melalui seminar, kempen atau penerangan menerusi media sosial.



3

Memperbanyak kajian dan penulisan ilmiah berkaitan dengan kehakiman Islam untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada masyarakat tentang fungsi dan kepentingannya.



4

Mengadakan lawatan sambil belajar ke mahkamah syariah untuk memperoleh maklumat tentang bidang kuasa dan prosedur perbicaraan di mahkamah tersebut.



### Nota Guru

Guru boleh melaksanakan pelbagai aktiviti lain yang memperlihatkan usaha untuk memartabatkan sistem kehakiman Islam di Malaysia.



## Refleksi

Berdasarkan pernyataan di bawah, berikan ulasan anda berserta rumusan.

1

Salah faham sebahagian masyarakat yang menyatakan bahawa hukum jenayah Islam bersifat zalim dan ketinggalan zaman.

3

Seorang hakim mesti dilantik dalam kalangan orang yang beriman dan bertakwa.

5

Hakim menjatuhkan hukuman berdasarkan perasaan terlalu marah kepada pesalah.

2

Sistem kehakiman Islam perlu dimartabatkan kerana mampu menyelesaikan permasalahan manusia.

4

Hukuman sebat mengikut hukum Islam perlu dijalankan di hadapan orang ramai.

6

Gejala pemandu mabuk yang menyebabkan berlaku kemalangan maut sukar dibendung kerana mengabaikan sistem kehakiman Islam.

### Contoh:

Bil	Pernyataan	Ulasan dan Rumusan
1.	Salah faham sebahagian masyarakat yang menyatakan bahawa hukum jenayah Islam bersifat zalim dan ketinggalan zaman.	Salah faham ini hanyalah tanggapan yang tidak berasas kerana Islam sangat menitikberatkan keadilan dalam pelaksanaan hukum. Hukum jenayah Islam juga praktikal dan masih diamalkan sehingga hari ini. Sebagai contoh: <ol style="list-style-type: none"> <li>Syarat untuk hukum jenayah seperti hudud dilaksanakan amat ketat bagi memastikan tiada pihak yang dizalimi.</li> <li>Negara yang mengamalkan hukum jenayah Islam mempunyai kadar jenayah yang rendah membuktikan hukuman tersebut berkesan dan praktikal.</li> </ol>



## Aktiviti

- 1 Laksanakan aktiviti *Expert Group* untuk membincangkan kepentingan hukum jenayah Islam dalam mewujudkan negara yang makmur.



- 2 Dalam kumpulan, laksanakan sumbang saran berkaitan dengan perkara berikut:
  - a) Punca sebahagian masyarakat tidak memahami sistem kehakiman Islam.
  - b) Cara untuk memberi kefahaman kepada mereka tentang keistimewaan sistem kehakiman Islam.
- 3 Bina Peta *i-Think* yang sesuai berkaitan dengan kepentingan mengamalkan sistem kehakiman Islam dalam kehidupan.
- 4 Tuliskan catatan harian mengenai tindakan yang perlu anda lakukan untuk menjauhi larangan Allah SWT bagi mewujudkan keharmonian dalam kalangan warga sekolah. Bentangkan hasil catatan anda di hadapan kelas.
- 5 Cari maklumat melalui Internet mengenai mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia. Bentangkan hasil dapatan anda.
- 6 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem kehakiman Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.





## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan jenis kesalahan jenayah Islam.

- 1 Berdasarkan jenayah hudud, hukuman bagi kesalahan \_\_\_\_\_ adalah dengan disebat 80 kali.
- 2 Seseorang yang melakukan perbuatan rasuah dikategorikan telah melakukan kesalahan jenayah \_\_\_\_\_ dan boleh dihukum penjara.

#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- 3 Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.

\_\_\_\_\_

#### Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:

Jawapan	Pernyataan
R	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.
S	Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

4 R ialah \_\_\_\_\_ .

5 S ialah \_\_\_\_\_ .

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 6 Seorang hakim mesti dilantik dalam kalangan orang kaya supaya beliau tidak mudah melakukan amalan rasuah.
- 7 Antara kepentingan sistem kehakiman Islam adalah untuk menyelesaikan masalah manusia secara menyeluruh.

#### Soalan Esei

- 8 Senaraikan empat syarat pelantikan seorang hakim.
- 9 Terangkan dua kesan sekiranya seseorang hakim tidak mampu menunaikan tanggungjawabnya secara adil.
- 10 Huraikan tiga kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam.

Seorang hakim telah menarik diri daripada mengendalikan perbicaraan suatu kes yang menyalahi salah satu etika kehakiman Islam.

- 11 Pada pendapat anda, apakah etika tersebut dan mengapakah hakim mesti mematuhiinya?

# TEMA 3

## SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN ISLAM



# PELAJARAN 5

## SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ISLAM



### STANDARD KANDUNGAN

- 3.1** Memahami konsep asas sistem pentadbiran dan pengurusan Islam serta mengamalkan tadbir urus Islam dalam kehidupan.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 3.1.1** Menjelaskan konsep asas pentadbiran dan pengurusan dalam Islam.
- 3.1.2** Menghuraikan prinsip-prinsip tadbir urus dalam Islam.
- 3.1.3** Menilai kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam.
- 3.1.4** Mencadangkan tindakan yang boleh dilakukan untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi.





### 3.1.1 Konsep Asas Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

#### Pentadbiran

Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan.

#### Pengurusan

Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.

Pentadbiran dan pengurusan Islam ialah perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

Allah SWT berfirman:

﴿ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ ... ﴾

**Ertinya:** "Dialah (Allah) yang menjadikan kamu daripada bumi (tanah) serta menjadikan kamu memakmurkannya. Maka beristighfarlah kepada Allah, kemudian bertaubatlah kamu kepada-Nya."

(Surah Hud 11: 61)



#### Informasi

Pentadbiran merupakan sebahagian daripada pengurusan. Pengurusan bersifat lebih umum berbanding pentadbiran.

Pentadbiran & Pengurusan Islam di Malaysia



## Pentadbiran dan Pengurusan Zaman Rasulullah SAW

Rasulullah SAW meletakkan asas pentadbiran dan pengurusan negara berdasarkan empat aspek utama, iaitu:

**1** Islam dijadikan dasar pentadbiran dan pengurusan negara.

**2** Syura dijadikan salah satu kaedah yang digunakan dalam menguruskan pentadbiran.

**3** Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah SAW.

**4** Akidah islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat 'asabiyyah.

## Pentadbiran dan Pengurusan Zaman Khulafa Ar-Rasyidin

Sistem pentadbiran dan pengurusan yang dipraktikkan pada zaman pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin merupakan sistem yang dikemas kini daripada sistem pentadbiran dan pengurusan yang diamalkan pada zaman Rasulullah SAW.

- Sesuatu dasar diputuskan melalui kaedah syura, iaitu keputusan yang dibuat berdasarkan suara ilmuwan, pakar bidang tertentu dan suara majoriti.
- Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan serta merupakan panglima tertinggi dalam pentadbiran.
- Pentadbiran di setiap wilayah diketuai oleh gabenor yang dibantu oleh setiausaha dan pegawai tertentu di jabatan seperti setiausaha tentera, pegawai polis (*Sahib al-Syurtah*), pegawai cukai (*Sahib al-Kharaj*), pegawai perbendaharaan negara (*Bait al-Mal*) dan seorang kadi.
- Institusi baitulmal didirikan pada peringkat pusat dan di setiap wilayah bagi mengendalikan urusan kewangan termasuklah urusan pendapatan dan perbelanjaan negara.




### Glosari

'Asabiyyah: Perasaan taasub perkauman.



### 3.1.2 Prinsip-prinsip Tadbir Urus dalam Islam



#### Informasi

Semasa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a., Majlis Syura ditubuhkan secara rasmi dan berfungsi secara formal.



#### Nilai Penghayatan

Walaupun manusia diberikan kuasa dan dilantik sebagai ketua, pentadbir atau pemimpin, kuasanya masih terhad kerana kuasa mutlak yang sebenar hanyalah milik Allah SWT sepenuhnya.

## Ciri-ciri Pentadbiran dan Pengurusan Islam



### Glosari

**Syura:** Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

### Informasi

- Syura ialah setiap keputusan dicapai dalam mesyuarat yang dijalankan.
- Sistem syura ialah satu bentuk sistem yang dijalankan dalam pemerintahan dan pentadbiran negara Islam.



## Etika Tadbir Urus Islam

Etika tadbir urus Islam merujuk kepada panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi.

Apabila setiap Muslim mempunyai penghayatan yang tinggi terhadap konsep etika, maka ia akan menjadi teras kepada kejayaan pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi, masyarakat atau negara.



### Interaksi

Melalui kaedah pencarian Internet, cari maklumat berkaitan sifat akauntabiliti dalam tadbir urus menurut pandangan Islam dan hasilkan Peta *i-Think* yang bersesuaian.



## Ciri-ciri Pentadbir dan Pengurus yang Baik



**Beriman**

Melaksanakan pentadbiran dengan penuh ketakwaan dan tanggungjawab.

Menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

**Amanah**




**Berwawasan**

Mempunyai perancangan untuk memajukan organisasi pentadbirannya.

Melakukan pekerjaan dengan tulus dan sepenuh hati.

**Ikhlas**



**Positif**

Berfikiran terbuka terhadap perubahan, cadangan, teguran dan nasihat ke arah kebaikan.

Menjana idea baharu ke arah kemajuan.

**Inovatif**



**Dinamik**

Berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan.

Bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara.

**Integriti**





### 3.1.3 Kepentingan Melaksanakan Tadbir Urus dalam Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

#### Kepentingan Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

##### Individu

- Menimbulkan nilai keimanan dan ketakwaan.
- Menjaga hubungan baik antara ketua dengan ahli-ahlinya.
- Menjalankan urusan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

##### Organisasi

- Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi.
- Menaikkan imej sesebuah organisasi.
- Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat.

##### Negara

- Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif serta menjadi contoh kepada negara lain.
- Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur dan menepati syarak.
- Meneladani tadbir urus negara seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.



#### Glosari

**Efisien:** Individu, organisasi, mesin dan lain-lain yang boleh menjalankan tugas dengan cekap tanpa pembaziran waktu dan tenaga.


**Efektif:** Tindakan dan usaha yang mendatangkan hasil seperti diharap-harapkan.

Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah.

Mendapat ketaatan daripada orang bawahan.

Mewujudkan persefahaman antara ketua dengan anak buah.

Memajukan organisasi dan negara.



Mentadbir dan Mengurus Mengikut Syariat

Kesan

Mentadbir dan Mengurus Tidak Mengikut Syariat

Mengabaikan amanah yang diberikan.

Hilang sokongan daripada orang bawahan.

Berlaku pertelingkahan.

Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara.



## Nota Guru

Guru membimbing murid menilai kepentingan melaksanakan tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi.





### 3.1.4 Tindakan Merealisasikan Tadbir Urus Islam dalam Organisasi

Antara tindakan untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi adalah:



Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan.



Menjaga kebajikan setiap pekerja.



Memberi kerjasama dalam menyelesaikan tugas.



Memberi penghargaan kepada staf cemerlang.



#### Nota Guru

Guru meminta murid mencadangkan tindakan lain yang boleh dilaksanakan bagi merealisasikan tadbir urus Islam di sekolah.



## Refleksi

Analisis situasi berikut dan nyatakan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi.

### Situasi 1

Encik Muhammad Irham merupakan seorang pengarah di sebuah jabatan pentadbiran. Nyatakan tindakan yang perlu dilakukan oleh beliau dalam menangani isu-isu berikut:

- a Terdapat pekerja yang sering datang lewat ke tempat kerja.
- b Seorang pekerja di jabatan mengalami masalah kesihatan dan memerlukan bantuan kewangan untuk kos rawatan.
- c Seorang pekerja di jabatan menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

### Situasi 2

Puan Masthurah baru mendapat pekerjaan sebagai pegawai kewangan di salah sebuah jabatan kerajaan. Senaraikan etika tadbir urus Islam yang perlu dihayati oleh beliau sebagai seorang pegawai kewangan.

### Situasi 3

Dr. Anis Sofiya merupakan seorang ketua jabatan di sebuah hospital. Bagi memastikan dirinya menjadi seorang ketua yang baik, nyatakan ciri-ciri pentadbir yang perlu dihayati oleh beliau.

### Situasi 4

Encik Zakaria telah dilantik sebagai pengurus di sebuah syarikat. Beliau menjalankan tadbir urus Islam dalam organisasinya. Jelaskan kepentingan tindakan Encik Zakaria.




## Nota Guru

Guru membimbing murid untuk membincangkan isu dan permasalahan ummah serta mencadangkan prinsip tadbir urus Islam yang boleh dijadikan sebagai kaedah penyelesaian.



## Aktiviti

- 1 Dengan menggunakan Peta *i-Think* yang sesuai, lakarkan prinsip tadbir urus Islam.
- 2 Secara berkumpulan, layari Internet dan kaji isu-isu tadbir urus dalam organisasi. Berdasarkan dapatan anda, bincangkan cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut.
- 3 Bina Peta *i-Think* yang sesuai berkaitan dengan kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam.
- 4 Laksanakan aktiviti *Pin-up* secara berkumpulan dengan menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan untuk merealisasikan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam.
- 5 Melalui aktiviti *Role Play*, laksanakan peranan sebagai majikan dan pekerja di sebuah institusi kewangan Islam berdasarkan prinsip pentadbiran dan pengurusan Islam.
- 6 Melalui carian di Internet, laksanakan aktiviti *Post It Notes* tentang keterangan bagi nilai-nilai berikut:
  - a) Integriti
  - b) Akauntabiliti
  - c) Amanah
  - d) Ketelusan
- 7 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem pentadbiran dan pengurusan Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.





## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan prinsip tadbir urus Islam.

- 1 Pengurusan Islam bermaksud menggunakan dan menyelenggara sumber manusia dan sumber \_\_\_\_\_ untuk kebajikan manusia.
- 2 Prinsip tadbir urus Islam bersumberkan *al-Quran* dan \_\_\_\_\_.


#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- 3 Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

\_\_\_\_\_

Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:



4 X ialah \_\_\_\_\_.

5 Y ialah \_\_\_\_\_.

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 6 Majlis Syura mula ditubuhkan secara rasmi dan berfungsi secara formal semasa zaman pemerintahan Sayidina Uthman bin Affan r.a..
- 7 Berdasarkan prinsip tadbir urus Islam, seseorang pentadbir merupakan pemegang amanah.

### Soalan Esei

- 8 Jelaskan dua keistimewaan pentadbiran dan pengurusan Islam.
- 9 Huraikan dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik.

*“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

(Surah *al-Anfal* 8: 27)

- 10 Berdasarkan firman Allah SWT di atas, berikan pandangan anda apakah yang akan terjadi jika manusia mengabaikan larangan tersebut?



## PELAJARAN 6

# SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM



### STANDARD KANDUNGAN

- 3.2** Memahami konsep asas sistem pemerintahan Islam serta melaksanakan tuntutan khilafah dalam kehidupan bernegara.



### STANDARD PEMBELAJARAN

- 3.2.1** Menyatakan konsep asas sistem pemerintahan Islam.
- 3.2.2** Menerangkan konsep asas khilafah dalam sistem pemerintahan Islam.
- 3.2.3** Menjelaskan elemen-elemen pembentukan negara Islam dan fungsinya dalam sistem pemerintahan Islam.
- 3.2.4** Menilai kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah dalam kehidupan bernegara.
- 3.2.5** Mencadangkan tindakan yang boleh diambil oleh setiap individu dalam kehidupan bernegara.



## 3.2.1 Konsep Asas Sistem Pemerintahan Islam

Sistem pemerintahan Islam merupakan satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam.

Allah SWT berfirman:

﴿ وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

**Ertinya:** “Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi dan Dia meninggikan beberapa darjat sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) untuk menguji kamu terhadap apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang.”

(Surah al-An'am 6: 165)

### Ciri-ciri Sistem Pemerintahan Islam

- 1 Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah hanya pemegang amanah.
- 2 Peranan umat Islam sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi.
- 3 Mengamalkan syura dalam pemerintahan berdasarkan *al-Quran* dan *al-Hadis*.
- 4 Segala perkara yang diputuskan dan dilaksanakan dalam pemerintahan bersesuaian dengan kehendak rakyat serta bertepatan dengan syariat Islam.
- 5 Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, iaitu menganjurkan kebaikan serta mencegah daripada melakukan kejahatan.
- 6 Rakyat terdiri daripada golongan yang meyakini prinsip dan dasar negara Islam serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan.
- 7 Bebas daripada ikatan keturunan, warna kulit, kawasan geografi dan sebagainya.
- 8 Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak yang mulia dalam semua aspek kehidupan.



## Sistem Pemerintahan Islam di Madinah

Setibanya Rasulullah SAW di Madinah semasa peristiwa hijrah, baginda membentuk negara Islam yang pertama. Terdapat beberapa tindakan penting yang dilaksanakan oleh baginda sepanjang tempoh pemerintahan. Antaranya adalah dengan mengamalkan konsep syura dalam pemerintahan dan terbentuknya Piagam Madinah.



## Konsep Syura dalam Sistem Pemerintahan Islam

Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan amalan syura dilaksanakan oleh Rasulullah SAW yang dapat dijadikan panduan dan iktibar kepada umat Islam. Antaranya ialah:

- 1 Rasulullah SAW berbincang dengan para sahabat seperti Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan Sayidina Umar bin al-Khattab r.a. berkaitan dengan isu tawanan Perang Badar. Ketika itu, Rasulullah SAW telah mengikut pandangan Sayidina Abu Bakar Al-Siddiq r.a. dan majoriti sahabat yang menyatakan supaya tidak dibunuh tawanan perang ketika itu.
- 2 Sebelum Perang Uhud, Rasulullah SAW bermesyuarat dengan para sahabat untuk memilih lokasi peperangan sama ada berlaku di dalam atau di luar kota Madinah. Baginda berpendapat agar peperangan berlaku di dalam kota Madinah, sedangkan majoriti berpendapat sebaik-baiknya peperangan berlaku di luar kota Madinah dengan mengambil kira masalah kepada umat Islam pada masa itu. Rasulullah SAW menerima pendapat tersebut dan memutuskan agar peperangan dilakukan di luar kota Madinah.
- 3 Sebelum tentera Ahzab menyerang dan mengepung Madinah, Rasulullah SAW berbincang dengan para sahabat mengenai langkah yang perlu diambil. Pada ketika itu, Salman al-Farisi mencadangkan agar mereka menggali parit yang dalam di sekeliling Madinah dan Rasulullah SAW menerima cadangan tersebut.



### Nilai Penghayatan

Sifat kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW perlu dicontohi oleh para pemimpin hari ini. Baginda menghormati pandangan ilmuwan, pakar bidang dan majoriti dalam membuat sesuatu keputusan.

## Piagam Madinah

Rasulullah SAW telah membuat satu perjanjian dengan seluruh penduduk Madinah yang dikenali sebagai *Sahifah al-Madinah* (Piagam Madinah) semasa awal pemerintahan Islam di Madinah. Ia merupakan piagam bertulis pertama di dunia. Piagam Madinah secara umumnya menyentuh beberapa aspek tertentu. Antaranya seperti berikut:



### 1 KEPIMPINAN NEGARA

- Rasulullah SAW merupakan pemerintah dan ketua negara. Baginda sentiasa dirujuk dalam menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku di dalam negara.



### 2 PERPADUAN

- Menyatukan dan mendamaikan perhubungan antara suku kaum di Madinah yang sebelum ini sering bertelagah.



### 3 PENGIKTIRAFAN KEPELBAGAIAN KAUM

- Setiap kaum diberikan hak masing-masing dari segi ekonomi, politik dan sosial.



### 4 KESELAMATAN

- Setiap kaum bertanggungjawab menjaga keamanan negara dan keharmonian perhubungan antara kaum.





## 5 JAMINAN SOSIAL

- Kebajikan dan keselamatan penduduk terjamin. Setiap warganegara diberikan hak sosial untuk menikmati kehidupan yang baik dan selesa.



## 6 KEBEBASAN MENGAMALKAN AGAMA

- Masyarakat Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum diberi kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing dengan penuh toleransi.

### (1) KONSEP KEBEBASAN DALAM AL-QURAN

Tiada paksaan dalam memeluk agama Islam

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ هُدًى مِّنَ الرَّسُولِ ۗ مَن يَكْفُرْ  
بِالْطَّغُوتِ ۖ وَتُؤْتِنِ ۚ وَاللَّهُ فَتَقَدَّرَ أَسْتَسْكَ الْغُرُوبَ الْوَقْتِ لَا  
أَنْصَابَ مَا وَاللَّهُ يَجْعَلُ مَلِكًا

## 7 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Undang-undang Islam diguna pakai dalam sistem pentadbiran negara dengan Rasulullah SAW sebagai hakim tertinggi.



## 8 HAK ASASI MANUSIA

- Setiap kaum di Madinah diberikan hak terhadap diri, harta dan mendapatkan perlindungan.



## 9 TANGGUNGJAWAB

- Setiap individu bertanggungjawab untuk melaksanakan tuntutan yang termaktub dalam Piagam Madinah demi merealisasikan keamanan dan keharmonian negara.



## 10 HUBUNGAN LUAR

- Hubungan luar negara dijalin dengan kebenaran dan persetujuan Rasulullah SAW sebagai ketua negara.



## Informasi

Piagam Madinah diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi bersamaan tahun pertama Hijrah. Piagam ini merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Ia mengandungi 47 fasal, 23 fasal berkaitan dengan peranan sesama umat Islam (muhajirin dan Ansar) dan 24 fasal lagi berkenaan hubungan antara umat Islam dengan bukan Islam (Yahudi).





## 3.2.2 Konsep Asas Khilafah dalam Sistem Pemerintahan Islam

### Khilafah

Khilafah bermaksud sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.

### Khalifah

Khalifah bermaksud individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.

### Rakyat

Rakyat bermaksud seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

### Ciri-ciri Khilafah



Melaksanakan undang-undang Allah SWT

Khalifah mesti melaksanakan undang-undang yang bersumberkan *al-Quran* dan *al-Hadis* dalam segala urusan pemerintahan.

Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar

Khilafah Islam bersifat menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada kemungkaran bagi memastikan pentadbiran negara dapat mewujudkan kesejahteraan kepada seluruh rakyat dan mendapat keredaan Allah SWT.

Menegakkan keadilan

Khalifah perlu menunaikan hak terhadap rakyat di bawah kepimpinannya secara adil tanpa membezakan pangkat, ikatan kekeluargaan atau warna kulit.

Mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat

Pemerintahan khilafah bertanggungjawab untuk menyemai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berteraskan sikap saling menghormati, tolong-menolong dan bertolak ansur bagi mengelakkan berlakunya perpecahan atau persengketaan.

## Syarat Menjadi Khalifah

- Seorang Muslim yang Mukmin.
- Lelaki.
- Berilmu dan memahami masalah negara.
- Adil dan saksama.
- Berkemampuan dari segi mental dan fizikal.
- Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik.
- Berakhlak mulia dan berani.

## Ciri-ciri Khalifah

- Fizikal yang sihat dan sempurna.
- Pengetahuan yang luas.
- Mempunyai keyakinan diri.
- Mengetahui matlamat organisasi.
- Memiliki semangat yang kuat.
- Cepak membuat keputusan.
- Bersifat rasional.
- Bersikap adil.
- Menguasai teknik-teknik berkomunikasi.
- Mampu bertindak sebagai penasihat.

## Tanggungjawab Khalifah

- Melaksanakan hukum syariat tanpa mengira masa dan tempat.
- Memelihara kesucian agama Islam.
- Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
- Memelihara kedaulatan negara daripada dijajah.
- Mengagihkan harta negara kepada yang berhak.
- Melantik orang yang cekap dan amanah untuk membantu mentadbir negara.
- Menjaga kebajikan rakyat.



## Tanggungjawab Rakyat

- Memberikan taat setia kepada khalifah.
- Membantu membanteras kemungkaran.
- Bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara.
- Berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan.
- Menghormati kebebasan beragama.
- Menasihati khalifah ke arah kebaikan.
- Menjaga keamanan hidup bermasyarakat.



## Hak Khalifah

Mendapatkan ketaatan dan kesetiaan daripada orang di bawah kepimpinannya selagi tidak bercanggah dengan akidah, syarak dan akhlak Islam.

Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...﴾

Ertinya: "Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) dan para pemimpin kamu ..."


(Surah al-Nisa' 4: 59)



## Informasi

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, terdapat tiga sistem khilafah yang utama, iaitu:

1. Khulafa Ar-Rasyidin (632 – 661 Masihi) diasaskan selepas kewafatan Rasulullah SAW. Pemilihan pemimpin dibuat melalui proses syura.
2. Khilafah Umayyah (661 – 750 Masihi) diperintah oleh Bani Umayyah daripada keturunan Umayyah bin Abdul Syams.
3. Khilafah Abbasiyah (750 – 1258 Masihi) diperintah oleh Bani Abbasiyah yang berasal daripada keturunan Bani Hasyim.





### 3.2.3 Elemen-elemen dan Fungsi Pembentukan Negara Islam

#### Pengertian Negara Islam

Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan *al-Quran* dan *al-Hadis* serta ijtihad yang sebenar.

#### Prinsip-prinsip Negara Islam

##### Musyawahah (*Al-Syura*)

Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

##### Keadilan (*Al-'Adalah*)

Membuat keputusan secara saksama bersumberkan *al-Quran* dan *al-Hadis* berdasarkan ketentuan akidah, syariah dan akhlak.

##### Kebebasan (*Al-Hurriyyah*)

Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

##### Persamaan (*Al-Musawah*)

Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.



#### Nilai Penghayatan

Keharmonian dan kecemerlangan pentadbiran sebuah negara dapat dicapai apabila pemimpin dan rakyat saling menyayangi, menghormati dan mendoakan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu.”*

(Riwayat Muslim)



## Majlis Syura

Lembaga mesyuarat tertinggi negara yang ahlinya terdiri daripada khalifah, ulama dan individu yang pakar dalam bidang masing-masing. Mesyuarat ini membuat keputusan berdasarkan keilmuan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

# Elemen Pembentukan Negara Islam

## Khalifah

Khalifah merupakan pemerintah beragama Islam yang berkelayakan serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

## Wilayah

Wilayah-wilayah dalam negara Islam ditadbir oleh seorang ketua dan penduduknya tertakluk kepada sistem pemerintahan Islam.

## Rakyat

Terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam yang berhak mendapat perlindungan pemerintah, bebas menjalani kehidupan, mendapat pendidikan, mencari rezeki serta mengamalkan agama, budaya dan adat resam masing-masing.

## Undang-undang

Undang-undang negara Islam berteraskan syariat Islam yang bersumberkan *al-Quran* dan *al-Hadis*.

## Badan Kehakiman

Menjalankan urusan kehakiman serta memastikan hukum dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT dilaksanakan dengan sepenuhnya.


## Pentadbiran dan Penguatkuasaan

Pentadbiran negara dilaksanakan mengikut syariat serta mengutamakan prinsip keadilan, kesaksamaan dan akhlak mulia. Penguatkuasaan syariat Islam dilaksanakan menerusi institusi seperti jabatan agama Islam, mahkamah syariah, pusat pungutan zakat, jawatankuasa fatwa dan sebagainya.

## Matlamat Negara Islam

- 1 Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT.
- 2 Merealisasikan keadilan supaya tiada yang teraniaya.
- 3 Memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin.
- 4 Mencapai kemakmuran demi kesejahteraan rakyat.

## Ciri-ciri Negara Islam



## Perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam

Negara Islam	Negara Bukan Islam
<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah.</li> <li>Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara.</li> <li>Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa.</li> <li>Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat.</li> <li>Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.</li> <li>Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.</li> <li>Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.</li> </ul>



## Glosari

**Adil:** Sesuatu tindakan atau keputusan diambil menyebelahi pihak yang benar.

**Amar makruf:** Perintah supaya mengerjakan perbuatan atau amalan yang baik.


**Nahi mungkar:** Melarang perbuatan atau amalan yang jahat.





### 3.2.4 Kepentingan Melaksanakan Tuntutan dan Tanggungjawab Khalifah

#### Kepentingan Melaksanakan Tuntutan dan Tanggungjawab Khalifah



#### Kesan Pengabaian Tanggungjawab Khalifah

- Mendapat kemurkaan Allah SWT dan kesucian agama Islam terancam.
- Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran negara dan masyarakat.
- Terdedah kepada ancaman musuh.
- Pengagihan harta negara secara zalim.
- Gagal melantik orang yang cekap dan amanah untuk membantu mentadbir negara.

#### Kesan Pengabaian Tanggungjawab Rakyat

- Hilang rasa taat setia terhadap khalifah.
- Keselamatan negara terancam.
- Mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat.
- Membiarkan kepincangan berlaku dalam pemerintahan.
- Berlaku kemungkaran secara berleluasa.



#### Nota Guru

Guru membimbing murid melakukan sumbang saran berkaitan cara menangani masalah negara menerusi kerjasama erat antara pemimpin dengan rakyat.






## 3.2.5 Pelaksanaan Sistem Pemerintahan Islam

Antara tindakan yang boleh diambil oleh setiap individu dalam kehidupan bernegara termasuklah:



Meninggikan syariat dan syiar Islam.



Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan.



Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat menyumbang kepada negara.



Mentaati arahan pemerintah bagi perkara yang tidak menyalahi syariat.



Mengamalkan sikap hormat-menghormati terhadap satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.



Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.



## Interaksi

Menerusi kaedah carian Internet, kumpulkan kisah dan teladan kepimpinan yang boleh diambil iktibar daripada tokoh-tokoh semasa dalam pelbagai bidang di Malaysia.

Kisah  
Kepimpinan  
yang Boleh  
Dicontohi





## Refleksi

Lengkapkan senarai semak di bawah tentang pelaksanaan tanggungjawab hidup bernegara yang telah berjaya anda laksanakan. Tandakan (✓) pada 'Ya' atau (x) pada 'Tidak'.

Bil.	Pernyataan	Ya / Tidak
1	Menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh.	
2	Menghormati rakan-rakan walaupun berlainan agama dan bangsa.	
3	Menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.	
4	Membimbing rakan sebaya dalam menyiapkan tugas sekolah.	
5	Melaporkan kepada pihak berkuasa apabila melihat salah laku jenayah.	
6	Memberikan sokongan sepenuhnya kepada program-program pendidikan yang dianjurkan oleh kerajaan.	
7	Amanah dan berintegriti apabila diberikan sebarang tanggungjawab untuk dilaksanakan.	
8	Ikhlas dalam setiap sumbangan yang diberikan.	
9	Mempertahankan agama dan negara apabila berlaku ancaman atau salah faham.	
10	Meningkatkan sumber pendapatan diri dan keluarga, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.	

SKOR	Ya=1	Tidak=0
Markah 7 hingga 10:	Tahniah! Anda seorang yang sentiasa melaksanakan tanggungjawab hidup bernegara.	
Markah 4 hingga 6:	Anda perlu meningkatkan pelaksanaan tanggungjawab hidup bernegara.	
Markah 0 hingga 3:	Anda perlu berubah sikap untuk lebih bertanggungjawab sebagai rakyat yang prihatin.	




## Nota Guru


Guru meminta murid menjelaskan kepentingan salah satu tindakan di atas terhadap kecemerlangan umat Islam.





## Aktiviti


- 1 Laksanakan aktiviti *Team Word-Web* untuk membincangkan ciri-ciri negara Islam.
 


Aktiviti  
Team Word-Web  

- 2 Laksanakan aktiviti *Windows Pane* tentang tanggungjawab individu di dalam negara.
 



Aktiviti  
Windows Pane  

- 3 Secara berkumpulan, bina Peta *i-Think* berkaitan dengan tanggungjawab khalifah dan tanggungjawab rakyat.
- 4 Melalui aktiviti *Rally Table*, murid membincangkan masalah penyelewengan kuasa dalam pemerintahan dan cara menyelesaikan masalah tersebut.
 

Aktiviti  
Rally Table  

- 5 Laksanakan aktiviti *Gallery Walk* bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan memelihara perpaduan dalam masyarakat dengan mencipta slogan yang sesuai.
 

Aktiviti  
Gallery Walk  

- 6 Laksanakan aktiviti pertandingan syarahan yang bertajuk “Iktibar daripada Rasulullah SAW Sebagai Pemimpin Teladan”.
- 7 Laksanakan aktiviti *TV Chat Show* yang menceritakan bicara antara pemimpin dengan rakyat.
 

Aktiviti  
TV Chat Show  

- 8 Amar Makruf dan Nahi Mungkar (Menyeru ke arah Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran).  
Berdasarkan salah laku murid di sekolah, laksanakan aktiviti *Role Play* bagi pendekatan di atas.
 

Aktiviti  
Role Play  

- 9 Guru menguji kefahaman murid tentang sistem pemerintahan Islam dengan menjawab kuiz interaktif melalui aplikasi *Kahoot*. Sila imbas di sini.
 


 Kahoot  




## Penilaian

### Soalan Objektif Pelbagai Bentuk

#### Soalan 1 dan 2

Lengkapkan pernyataan berikut berkaitan dengan syarat pelantikan dan tanggungjawab khalifah dalam sistem pemerintahan Islam.


- 1 Syarat bagi pelantikan seorang \_\_\_\_\_ ialah seorang lelaki Muslim yang memahami masalah negara.
- 2 Khalifah bertanggungjawab untuk melaksanakan hukum \_\_\_\_\_ tanpa mengira masa dan tempat.

#### Soalan 3

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

- 3 Sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.
- \_\_\_\_\_

#### Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah:



- 4 R ialah \_\_\_\_\_.
- 5 S ialah \_\_\_\_\_.

#### Soalan 6 dan 7

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 6 Khalifah mesti melaksanakan undang-undang yang bersumberkan pandangan tokoh-tokoh falsafah dalam segala urusan pemerintahan.
- 7 Hak rakyat meliputi hak untuk memilih khalifah serta hak dari segi kebebasan bersuara dan memberi pendapat.

### Soalan Esei

Sistem syura merupakan satu kaedah dalam pemerintahan Islam.

- 8 Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan dua keistimewaan sistem tersebut.
- 9 Bincangkan dua kesan yang akan berlaku jika pemimpin negara mengabaikan tanggungjawabnya.
- 10 Huraikan dua kesan daripada Piagam Madinah terhadap suasana kehidupan masyarakat majmuk pada zaman Rasulullah SAW.

Kepimpinan yang baik bakal membawa kemakmuran serta keamanan kepada negara manakala kepimpinan yang buruk dan zalim bakal memporak-perandakan negara.

- 11 Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. 

# GLOSARI

**Adil:** Sesuatu tindakan atau keputusan diambil menyebelahi pihak yang benar.

**Amar makruf:** Perintah supaya mengerjakan perbuatan atau amalan yang baik.

**'Asabiyyah:** Perasaan taasub perkauman.

**Efisien:** Individu, organisasi, mesin dan lain-lain yang boleh menjalankan tugas dengan cekap tanpa pembaziran waktu dan tenaga.

**Efektif:** Tindakan dan usaha yang mendatangkan hasil seperti diharap-harapkan.

**Ekonomi:** Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu-isu kewangan yang bersangkutan dengannya.

**Fai':** Harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang.

**Ghanimah:** Harta rampasan dalam peperangan.

**Gharar:** Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.

**Ijtihad:** Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah (dalam kaitannya dengan agama Islam).

**Jizyah:** Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sebuah negara Islam.

**Margin:** Perbezaan antara dua jumlah.

**Murtad:** Orang yang keluar daripada agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat.

**Nahi mungkar:** Melarang perbuatan atau amalan yang jahat.

**Qazaf:** Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.

**Syirik:** Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT.

**Syura:** Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

**Ta'awun:** Tolong-menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu.

**Tabarru':** Peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful.

# RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaidan. (2014). *Sistem Kehakiman Islam*. (Mohd Saleh Ahmad, Pent.). Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Abdul Jalil Borham. (1999). *Sains Muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad al-Sharbasi. (1981). *Al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib. (1997). *Tamadun Islam*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari. (2001). *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Touq al-Najah.
- Alias Azhar et al. (2014). Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 115-128.
- Al-Ittihad al-Dawli Li al-Bunuk al-Islamiyyah. (1982). *Al-Mawsu'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah lil-Bunuk al-Islamiyyah*. Jilid 5. Kaherah: Al-Ittihad al-Dawli Li al-Bunuk al-Islamiyyah.
- Al-Mawardi. (2006). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Quran al-Karim dengan Terjemahan*. (2017). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Arief Salleh Rosman & Yahaya Jusoh. (2015). *Tafsir Maudhu'iy – Politik dan Urus Tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Asyraf Ab Rahman, Fadzli Adam & Nizaita Omar. (2008). *Islam dan Ekonomi*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria. (2010). Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad. *Jurnal Muamalat*, 3.
- Eza Ellany Abdul Lateff, Mohd Rizal Patil & Mohamat Sabri Hassan. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 51-60.
- Ezani Yaakub. (2009). *Beberapa Aspek Pemikiran Ekonomi dan Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

- Hailani Muji Tahir. (2007). *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Din. (2013). *Hukum Hudud dalam Perundangan Islam*. Shah Alam: PSN Publications.
- Haron Din, Mohd Sulaiman Yasin, Hassan Salleh & Sidi Gazalba. (1991). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hisham. (1997). *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Shalabi, A. H., Al-Ibyari, I. & Saqa, M. (eds.). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-' Arabi.
- Ibn Manzur. (1956). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sodir.
- Joni Tamkin Borhan. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, 93-107.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Hassan Abu Bakar. (2003). *Apa itu Ekonomi Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohamad Abdullah. (2017). *Kehakiman Islam: Teori dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mohd Khir Johari Abas. (2018). *Pengantar Perundangan Islam*. Bidor: Al-Muqri Resources.
- Mohd. Sadad Mahmud & Radiah Abd Kader. (2012). Perkembangan Takaful di Malaysia: Satu Kajian Undang-undang Kewangan Islam. *Jurnal Kanun*, 24(2), 240-261.
- Mohd Saleh Ahmad. (2014). *Pengantar Syariat Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal. (1992). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. (Salahudin Abdullah, Pent.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nasri Md. Hussain, Nasri Naiimi & Mohd Sollehuiddin Shuib. (2013). *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muslim al-Hajjaj. (2014). *Sohih Muslim*. Madinah: Universiti Islam Madinah.
- Mustafa Daud. (1994). *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nawi Abdullah. (2004). Konsep Pemilikan di dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 19, 21-32.
- Nejatullah Siddiqi. (1989). *Pemikiran Ekonomi Islam; Satu Tinjauan Penulisan Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (2014). *Pandangan Alam Islam dalam Peradaban Ekonomi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nor Mohamed Yakcop. (1996). *Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Prospek*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Omaridin Ashaari. (2008). *Sistem Politik dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Ramlan Ahmad & Nor Aishah Raduan. (2010). *Buku Teks Tasawwur Islam Tingkatan 4*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Razali Shahabudin. (2009). *Glosari Muamalat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Safae Zakaria & Mohd Zin Daud. (2013). *Buku Teks Tasawwur Islam Tingkatan 5*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sayid Sabiq. (1990). *Fikih Sunnah*. (Mohd Nabhan Husein, Pent.). Kuala Lumpur: Victory Agencies.
- Siti Zalikah Md Nor. (2001). *Al-Syariah: Konsep dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sobri Salamon. (1989). *Ekonomi Islam Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Syed Othman Alhabshi & Hamiza Ibrahim. (1998). *Pengurusan dan Pentadbiran – Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Wahbah Al-Zuhaili. (1985). *Fiqh al-Islami Wa 'Adillatuhu*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Wan Nasrudin Wan Abdullah, et al. (2014). *Tafsir Maudhu'iy: Ekonomi dan Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qardawi. (2002). *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Zulkifli Muda. (2010). *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Pandangan Islam*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- <http://muamalat.my/v6/blog/2019/01/16/92/>
- [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_speech&pg=bm\\_speech&ac=622&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_speech&pg=bm_speech&ac=622&lang=bm)
- <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/glosari-muamalat>
- <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/info-korporat/pengenalan>